



2022 LAPORAN TAHUNAN



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI - 97 / 2023

TARIKH 4 NOVEMBER 2023 | MASA 9.00 PAGI | TEMPAT : IBUPEJABAT KOMBEN TAMAN BUKTI



KOPERASI MELAYU BERJAWATAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD



kombekns@gmail.com



06-671 5100/ 06-679 1151



www.kombekns.com



www.facebook.com/kombekns



koperasi.kombek



koperasikombek

VISI

Menjadi koperasi terbaik di Negeri Sembilan menjelang 2026

MISI

- Meningkatkan **prestasi kewangan** melalui strategi perniagaan yang menguntungkan
- Meningkatkan **sosio-ekonomi anggota** dan koperasi melalui aktiviti ekonomi yang berimpak
- Meningkatkan jumlah anggota dan mewujudkan **hubungan strategik** dikalangan anggota dan bukan anggota menjalankan aktiviti perniagaan
- Meningkatkan amalan terbaik **tadbir urus** koperasi berdasarkan prinsip dan falsafah koperasi melalui aplikasi sistem yang bersepadu
- Mempertingkatkan pertumbuhan lain-lain **portfolio perniagaan** melalui strategi jangka pendek, sederhana dan panjang.

Menjadi koperasi terbaik di Negeri Sembilan menjelang 2026



ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka surat
1.	Perutusan Pengerusi	4-5
2.	Barisan Anggota Lembaga	6
3.	Barisan Juru Audit	6
4.	Panel Peguam, Auditor Dan Bank Koperasi	8
5.	Senarai Biro-Biro	9
6.	Senarai Perwakilan	10
7.	Etika Mesyuarat Agung	11-15
8.	Agenda Mesyuarat	16-17

PERUTUSAN Pengerusi KOMBEK NS



Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah segala puji – pujian bagi Allah s.w.t selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga Baginda. Dengan izin Allah s.w.t dapat kita menunaikan tanggungjawab kepada koperasi bagi mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 97 bagi tahun 2023.

Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan (KOMBEK) atau dulunya dikenali Syarikat Anak-Anak Melayu yang ditubuhkan pada tahun 13 Jun 1924 kini usianya adalah 100 tahun, Insya-Allah kita akan menyambut ulang tahun koperasi kita ini dengan penuh gemilang dan kesyukuran.

Ramai dikalangan ahli kita ini berada dalam fasa umur pencen dan saya ingin mengajak ahli yang hampir pencen ini, jika boleh tak perlulah berhenti daripada anggota, Kita akan membuat pindaan Undang-Undang kecil agar ahli yang hampir pencen ini boleh mengeluarkan sebahagian yuran tanpa perlu menghantar notis untuk berhenti.

KOMBEK dalam menuju menyambut ulang tahun Jubli Intan yang ke 100 tahun. Oleh yang demikian untuk merealisasikan agenda Koperasi, saya bersama barisan Anggota Lembaga telah menyusun dasar-dasar baru KOMBEK bersama dengan Institut Koperasi Malaysia. Untuk menjadi sebuah koperasi terbaik di Negeri Sembilan 5 teras utama ini adalah menjadi keutamaan koperasi iaitu :-

- 1) Memantapkan tadbir urus
- 2) Meningkatkan imej dikalangan anggota dan masyarakat
- 3) Memperkasa aktiviti ekonomi


- 4) Mengukuhkan kewangan koperasi
- 5) Memperkasa perkhidmatan dan pemasaran

Projek-projek perniagaan yang dirancang seperti Kompleks Perniagaan KOMBEK, Projek Pembinaan rumah berkembar dalam fasa semakan dan tindakan di peringkat Pejabat Tanah. Memang tidak dinafikan proses tindakan agak perlahan. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna koperasi tidak komited, memandangkan negeri kita ini baru sahaja selesai pilihan raya maka beberapa skop penelitian diperingkat teknikal perlu diteliti dan dinilai semula. Manakala projek Kilang Ais, Anggota Lembaga telah menyatakan untuk meneliti semula diperingkat kajian pasaran dan persaingan industri perkilangan.

Walaubagaimanapun Anggota Lembaga telah merancang untuk menceburi bidang perniagaan pembekalan barangan keperluan asas dan peruncitan dengan kerjasama Angkasa. Koperasi mempunyai bangunan yang boleh dijadikan *One-Stop Centere* untuk memasarkan produk-produk barangan keperluan asas seperti beras, gula dan lain-lain kepada ahli-ahli dan peengguna khususnya di Seremban.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada tuan/puan yang setia Bersama KOMBEK. Saya dan barisan kepimpinan Lembaga akan menjalankan sepenuh amanah yang diberikan dan berusaha membawa KOMBEK ke satu mercu tanda yang gemilang.

selamat bersidang.



Haji Mohd Shah Bin L. Latif
Pengerusi



KOMBEK NS

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI



HAJI MOHD SHAH
PENGERUSI



HAJI MARADZI
SETIAUSAHA



EN ZULIFLEE
BENDAHARI



HAJI ANUAR
AHLI LEMBAGA



YM. TENGKU HASAN
AHLI LEMBAGA



HAJAH HAMIDAH
AHLI LEMBAGA



HAJI ABIDIN
AHLI LEMBAGA



HAJI FAUZI
AHLI LEMBAGA



PN. RUZYANAH
AHLI LEMBAGA



USTAZ AMIR
AHLI LEMBAGA



PN. NURBAITI
AHLI LEMBAGA




PN SITI ZELAHA
AHLI LEMBAGA

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN TAHUN 2022 / 2023

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Tuan Haji Zulhain bin Baharin	- Pengerusi
2.	Encik Ahmad Attar Midzy bin Haris	- Setiausaha
3.	Encik Mohd Fadzli bin Yahaya	- Jawatankuasa
4.	Encik Mohd Ali bin Jaamat	- Jawatankuasa

ORGANISASI PENGURUSAN

2022 - 2023



PANEL PEGUAM, AUDITOR DAN BANK KOPERASI

PEGUAM KOPERASI

**Tetuan Nor Affiza
23-1, Jalan S2 D 39
City Centre, Seremban
70300 Seremban
Negeri Sembilan**

AUDITOR KOPERASI

**Tetuan Adzli & Co
24-25, 1st Floor,
Lorong Haruan Commerce Square,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan**

**Tetuan Zaidi & Co
No. 446-1, Jalan Bandar Senawang 18
Pusat Bandar Senawang
70450 Seremban
Negeri Sembilan**

BANK KOPERASI

**Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad
Maybank Berhad
Bank Simpanan Nasional
Bank CIMB**

JAWATANKUASA BIRO KOPERASI

TAHUN 2022 / 2023

BIRO PENTADBIRAN, KEWANGAN & PELANCONGAN

Pengerusi : Tuan Haji Mohd Shah Bin L.Latif
Setiausaha : Tuan Haji Maradzi Bin Ismail, DNS,AMN,ANS,PPN,PMC,PJK
Jawatankuasa : Encik Zulkiflee Bin Arop

BIRO AR-RAHNU

Pengerusi : Ust Muhammad Amir Bin Abdullah
Setiausaha : Puan Hajah Hamidah Binti Mohd Arif
Jawatankuasa : Puan Hajah Siti Rohayu bin Haji Jaafar
Jawatankuasa : Puan Rusmawati Binti Hazali

BIRO PERLADANGAN

Pengerusi : Tuan Haji Abidin Bin Samah
Setiausaha : YM Tengku Hasan Bin Tengku Adzim
Jawatankuasa : Tuan Haji Ebni Hajal Bin Ramli
Jawatankuasa : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim

BIRO HARTANAH & PEMBANGUNAN

Pengerusi : Tuan Haji Anuar Bin Kasim
Setiausaha : Puan Norbaiti Binti Haji Alias
Jawatankuasa : Encik Shahman Bin Sulaiman
Jawatankuasa : Encik Muhamad Baddri bin Ahmad

BIRO LATIHAN, KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & PROMOSI

Pengerusi : Tuan Haji Fauzi bin Haji Razali
Setiausaha : Puan Siti Zelaha Binti Mohammad
Jawatankuasa : Puan Ruzyanah Bin Mohd Yasin
Jawatankuasa : Encik Mohd Zakuan bin Mohd Yusof

BIRO PENGURUSAN RISIKO, INTEGRITI & PERUNDANGAN

Pengerusi : Tuan Haji Abidin bin Samah
Setiausaha : Encik Anuar bin Mohd Zain
Jawatankuasa : Puan Norbaiti Binti Haji Alias

BIRO PENGURUSAN KREDIT

Pengerusi : Tuan Haji Maradzi bin Ismail
Setiausaha : Tuan Haji Abidin bin Samah
Jawatankuasa : Tuan Haji Mohd Shah bin L.Latif
Jawatankuasa : Puan Siti Zelaha Binti Mohammad
Jawatankuasa : Encik Mohammad Baddri Bin Ahmad

SENARAI
PERWAKILAN
TAHUN 2022 / 2023

SENARAI PERWAKILAN TAHUN 2023

BIL	NO. ANGGOTA	NAMA	KAWASAN
1	18400	Tuan Haji Anuar bin Kasim	Rembau/Tampin
2	19438	Puan Norijah Binti Abdul Rahman	Rembau/Tampin
3	18943	Tuan Haji Zulkarnain Bin Abd Kadir	Rembau/Tampin
4	19787	Encik Basri Bin Yusuf	Rembau/Tampin
5	17191	Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif	Jempol/Gemas/Jelebu
6	17226	Encik Mohd Sofe Bin Ibrahim	Jempol/Gemas/Jelebu
7	21461	Encik Abd Latif Bin Zainal	Jempol/Gemas/Jelebu
8	20017	Puan Rafidah Binti Abdul Baki	Jempol/Gemas/Jelebu
9	17917	Encik Mohd Isa bin Abd Razak	Jempol/Gemas/Jelebu
10	19606	Tuan Haji Maradzi bin Ismail	Kuala Pilah
11	21281	YM Tengku Hasan bin Tengku Adzim	Kuala Pilah
12	21463	Encik Mohd Yusri bin Mohd Za'ali	Kuala Pilah
13	20836	Encik Mohd Taufik bin Hasan	Kuala Pilah
14	18204	Puan Rusmawati binti Hazali	Kuala Pilah
15	19714	Encik Zulkiflee bin Haji Arop	Seremban
16	12417	Tuan Haji Abidin bin Samah	Seremban
17	21497	Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Razali	Seremban
18	18444	Puan Norbaiti binti Haji Alias	Seremban
19	21596	Ustaz Muhammad Amir bin Abdullah	Seremban
20	21492	Puan Ruzyanah binti Mohd Yasin	Seremban
21	20574	Puan Siti Zelaha binti Mohammad	Seremban
22	17899	Encik Muhammad Baddri bin Ahmad	Seremban
23	19195	Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli	Seremban
24	21626	Encik Mohd Zakuan bin Mohd Yusof	Seremban
25	21363	Puan Siti Norafidah Binti Mohd Ramli	Seremban
26	20932	Encik Anuar Bin Mohd Zain	Seremban
27	19347	Puan Hajah Hamidah Binti Hj. Mohd Arif	Seremban

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

Anggota-anggota koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam notis mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

4. Agenda Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

5. Kuorum

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

6. Minit Mesyuarat Agung yang lalu

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

8. Hak-hak Anggota

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

- (a) Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".
- (b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

10. Tertib Bercakap

- (a) Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.
- (b) Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.
- (c) Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali –
 - (i) jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau
 - (ii) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (e) Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (f) Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi **tiga (3) minit**, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi **dua (2) minit**.

12. Isi-isi Ucapan

- (a) Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.
- (b) Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.

- (c) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.
- (e) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- (f) Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan —
 - (i) perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;
 - (ii) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan
 - (iii) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.
- (g) Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul (Motion)

- (a) Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.
- (b) Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.
- (c) Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum mesyuarat agung diadakan.
- (d) Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.

- (e) Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- (a) Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- (b) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

17. Hak Menjawab

- (a) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.
- (b) Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

18. Usul Tergempar

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

19. Pengundian

- (a) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.
- (b) Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

20. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa mesyuarat sedang berjalan —

- (i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;
- (ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;

- (iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku- buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan
- (iv) Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- (a) Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbang semula.
- (c) Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara- perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap.
- (d) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.
- (e) Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- (f) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.
- (g) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai.
- (h) Pengerusi hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa.
- (i) Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat
2. Melantik Satu Jawatankuasa yang terdiri daripada 6 perwakilan dan 4 orang Anggota Lembaga untuk menentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-97
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Yang Ke-96 pada 26 Jun 2022. (m.s 18-37)
4. Menimbang Laporan Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam dan laporan lembaga koperasi.(m.s 38-55)
5. Menimbang dan Meluluskan Akaun Teraudit berakhir pada **31 Disember 2022** Dan pembahagian Keuntungan Bersih Teraudit. (Rujuk Laporan Kewangan Mesyuarat Agung)
6. Melantik empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi untuk memenuhi kekosongan kerana tamat tempoh perkhidmatan mengikut giliran di bawah Undang-undang Kecil 37 (1) iaitu Lembaga Koperasi yang tamat tempohnya dan mereka ini boleh dilantik semula seperti berikut:-

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA
(i)	Encik Zulkiflee bin Arop	19714
(ii)	Tuan Haji Anuar bin Kasim	18400
(iii)	YM Tengku Hasan bin Tengku Adzim	21281
(iv)	Puan Ruzyanah binti Mohd Kassim	21492

7. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan Koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya.(Rujuk Laporan Kewangan Mesyuarat Agung)
8. Meluluskan elaun kepada Lembaga dan Jawatankuasa Juruaudit Dalam. (Rujuk Laporan Kewangan Mesyuarat Agung)

9. Meluluskan satu Panel firma Juruaudit untuk mengaudit akaun - akaun koperasi.
 - i. Tetuan Adzli & Co
24-25, 1st Floor, Lorong Haruan Commerce Square, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
 - ii. Tetuan Ali Yusof & Co
Alamat : No 115-2, Jalan Toman 6, Kemayan Square, 70200 Seremban, Negeri Sembilan.
 - iii. Mustapha , Khoo & Co
Alamat : 1st Floor, No. 24, Jalan Campbell, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
10. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan koperasi sehingga RM 10 Juta (Ringgit Malaysia : Sepuluh Juta) dari wang berlebihan koperasi mengikut seksyen 54 Akta
11. Menetapkan had keterhutangan koperasi sebanyak RM30 Juta (Ringgit Malaysia :Tiga Puluh Juta Sahaja.)
12. Mendengar, menimbang atau meluluskan apa-apa usul dari Anggota dan Lembaga melalui Perwakilan yang diterima tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung. (Lampiran)



AGENDA 1

**MELANTIK PENERUS
MESYUARAT**

AGENDA 2

**MELANTIK SATU
JAWATANKUASA YANG
TERDIRI DARIPADA 6
PERWAKILAN UNTUK
MENENTU SAH MINIT
MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN**

AGENDA 3

**MENGESAHKAN MINIT
MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN YANG LALU**

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE - 96
KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
(KOMBEK NS)**

TARIKH : 26 JUN 2022 (AHAD)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : MESRA BOUTIQUE HOTEL, PORT DICKSON
KEHADIRAN : 28/29 ANGGOTA PERWAKILAN

AGENDA 1.0 MELANTIK Pengerusi MESYUARAT

1.1 Melantik Pengerusi

Tuan Haji Maradzi bin Ismail (19606) setiausaha koperasi memaklumkan jumlah kehadiran adalah seramai 28 orang dan bilangan ini memenuhi kehendak korum mesyuarat.

Beliau memaklumkan mengikut Undang-undang Kecil, Pengerusi mesyuarat hendaklah dipilih dari kalangan anggota perwakilan. Oleh itu, beliau membuka pencalonan kepada anggota-anggota untuk memilih Pengerusi Mesyuarat.

Encik Abdul Latif bin Zainal (21461) mencadangkan Pengerusi koperasi iaitu Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191) sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Atas Cadangan :Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh :Encik Mohd Sofe Bin Ibrahim (17226)

Mesyuarat sebulat suara melantik Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-96.

AGENDA 2.0 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA 6 PERWAKILAN DAN 4 ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-96

2.1 Mesyuarat telah melantik enam (6) orang anggota perwakilan sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat. Senarai nama AJK adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA CALON	PENCADANG	PENYOKONG
1	Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)	Tuan Haji Zulkarnain Bin Abd Kadir (18943)	Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
2	Encik Abd Latif bin Zainal (21461)	Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)	Tuan Haji Zulkarnain Bin Abd Kadir (18943)
3	Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli (19195)	Tuan Haji Abidin bin Samah (12417)	Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191)
4	Encik Basri bin Yusuf (19787)	Tuan Haji Zulkarnain Bin Abd Kadir (18943)	Encik Zulkiflee bin Arop (19714)
5	Encik Mohd Zakuan bin Mohd Yusof (21626)	Encik Zulkiflee bin Arop (19714)	Encik Anuar bin Mohd Zain (20932)
6	Puan Rusmawati binti Hazali (18204)	Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191)	Encik Zulkiflee bin Arop (19714)

Penambahan Jawatankuasa 4 orang dari kalangan ALK akan ditentukan oleh Mesyuarat Anggota Lembaga.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik enam (6) orang anggota perwakilan sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-96.

- 2.2 Sebelum mesyuarat diteruskan Pengerusi memaklumkan terdapat ralat terhadap buku mesyuarat agung seperti berikut :-

Agenda 6

Asal

Melantik empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi untuk memenuhi kekosongan kerana tamat tempoh perkhidmatan mengikut giliran di bawah Undang-undang Kecil 37 (1) iaitu Lembaga Koperasi yang tamat tempohnya dan mereka ini boleh dilantik semula seperti berikut :-

- i. Tuan Haji Maradzi bin Ismail (19606)
- ii. Tuan Haji Abidin bin Samah (12417)
- iii. Puan Norbaiti binti Haji Alias (18444)
- iv. Puan Siti Zelaha binti Mohamad (20574)

Pindaan

Melantik lima(5) orang Anggota Lembaga Koperasi untuk memenuhi kekosongan kerana tamat tempoh perkhidmatan mengikut giliran di bawah Undang-undang Kecil 37 (1) iaitu Lembaga Koperasi yang tamat tempohnya dan mereka ini boleh dilantik semula seperti berikut :-

- i. Tuan Haji Maradzi bin Ismail (19606)
- ii. Tuan Haji Abidin bin Samah (12417)
- iii. Puan Norbaiti binti Haji Alias (18444)
- iv. Puan Siti Zelaha binti Mohamad (20574)

Merujuk UUK 37 (5) Anggota Lembaga yang dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan hendaklah berkhidmat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang. Oleh yang demikian, Encik Muhamad Baddri bin Ahmad telah dilantik pada tahun 2021 berdasarkan UUK 35. Pengisian jawatan anggota lembaga hendaklah diisi dengan merujuk kepada UUK 36 (1) dan UUK 35.

Mesyuarat mengambil maklum terhadap pindaan yang dibentangkan.

**AGENDA 3 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KALI KE - 95 BERTARIKH
19 JUN 2021 (SABTU)**

- 3.1 Tuan Haji Mohd Shah bin L.Latif (17191) selaku Pengerusi membentangkan minit mesyuarat dari muka surat 20 hingga 34.
- 3.2 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) memaklumkan terdapat pindaan pada ejaan nama beliau seperti berikut :-

Asal

1.1 Pemilihan Pengerusi

Encik Abdul Latif bin Zainal (21461) mencadangkan Pengerusi Koperasi iaitu Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191) sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Pindaan

Encik Abd Latif bin Zainal (21461) mencadangkan Pengerusi Koperasi iaitu Tuan Haji Mohd Shah bin L. Latif (17191) sebagai Pengerusi Mesyuarat.

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-95 disahkan.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

AGENDA 4

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA KOPERASI DAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN PANDANGAN SURUHANJAYA MENGENAI AKAUN-AKAUN BERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

- 4.1 Tuan Haji Mohd Shah selaku Pengerusi (17191) membentangkan Laporan Lembaga dari muka surat 36 hingga 63.
- 4.2 Dr Siti Norafidah binti Mohd Ramli (21363) bertanya apakah perancangan dan tindakan koperasi terhadap pelaburan saham siar harga ini.
- 4.3 Bendahari memaklumkan seperti berikut ;-
 - i. Pelaburan terhadap saham-saham tersebut menunjukkan kerugian. Resolusi koperasi kini adalah untuk tidak akan membeli saham-saham baru tersebut.
 - ii. Koperasi kini dalam tindakan untuk menjual saham-saham yang tidak menguntungkan dan tiada pembelian saham-saham siarharga yang baru.
- 4.4 Dr Siti Norafidah binti Mohd Ramli (21363) memberi padangan kepada koperasi seperti berikut ;-
 - i. Koperasi perlu sentiasa memantau harga dan mendapatkan nasihat daripada pengurus dana atau dalam kalangan anggota yang mempunyai pengetahuan berkenaan saham tersebut.
 - ii. Jika koperasi tidak mahu membeli saham-saham tersebut, disyorkan untuk membuat pembelian Bon Terbitan Kerajaan.
- 4.5 Bendahari menyambut baik di atas cadangan tersebut dan berpandangan akan mendapatkan khidmat nasihat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terlebih dahulu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- 4.6 Encik Ahmad Attar Midzy bin Haris (21487) selaku Setiausaha Jawatankuasa Audit Dalaman membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dari muka surat 54 hingga 63.

4.7 Mesyuarat bersetuju menerima laporan yang tersebut di atas.

Dicadang oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)
Disokong oleh : Puan Hajah Hamidah binti Haji Mohd
Arif (19347)

PANDANGAN SURUHANJAYA MENGENAI AKAUN-AKAUN BERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI

Tiada pandangan Suruhanjaya yang diterima.

AGENDA 5 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT PADA 31 DISEMBER 2021 DAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSIH TERAUDIT

- 5.1 Encik Zulkiflee bin Arop (19714) selaku Bendahari membentangkan penyata kewangan yang telah diaudit oleh firma juruaudit Ali Yusof & Co bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 sebagaimana lampiran Buku Mesyuarat Agung yang telah diedarkan kepada para perwakilan koperasi.
- 5.2 Merujuk muka surat 8 di lampiran akaun untung rugi adalah dengan ini koperasi telah mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM171,199.00.
- 5.3 Merujuk muka surat 9 setelah dibuat pembahagian keuntungan adalah dengan ini jumlah dividen yang telah dicadangkan bagi tahun kewangan teraudit 2021 adalah sebanyak 2.5% atas modal saham dan 1% atas modal yuran.
- 5.4 Bendahari turut memaklumkan melalui keuntungan koperasi, beliau mencadangkan untuk mewujudkan satu tabung khas yang tidak melibatkan kos perbelanjaan pentadbiran. Tabung tersebut akan termasuk dalam pembahagian keuntungan. Walaubagaimana pun, Koperasi akan mendapatkan pandangan daripada pihak SKM terlebih dahulu.
- 5.5 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan ALK kerana dapat mencipta keuntungan yang baik berbanding daripada tahun lepas. Disamping itu, beliau turut membuat teguran iaitu penyata kewangan ini perlu dicetak kerana wakil perwakilan yang hadir tidaklah ramai dan perlu diedarkan setiap seorang.

Beliau menyatakan perbezaan kumpulan wang rezab statutori berjumlah RM 1,345,282.00 diwakilkan ke dalam aset KWRS adalah RM 806,742.00. Terdapat perbezaan lebih kurang RM 500,000.00 .

- 5.6 Bendahari memaklumkan, mengikut kemampuan kewangan koperasi masih berusaha untuk menambah jumlah tersebut dengan membuat simpanan tetap dengan jumlah RM 20,000.00 dan kini telah meningkatkan jumlah tersebut kepada RM 30,000.00.
- 5.7 Puan Norijah binti Abdul Rahman (19438) ingin mendapat penjelasan terhadap kedudukan perniagaan kewangan Ar Rahnu bagi tahun kewangan 2021 yang mencatatkan kerugian.
- 5.8 Bendahari memaklumkan punca kerugian adalah disebabkan kedudukan Ar-Rahnu Seremban yang tidak strategik dan terdapat persaingan dengan Ar Rahnu Yapeim dimana kedudukannya bersebelah Ar Rahnu KOMBEK. Kini koperasi dalam usaha mengubahsuai bangunan dari tingkat atas ke tingkat bawah dengan harapan Perniagaan Ar-Rahnu akan mencipta keuntungan dengan lebih baik serta memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan yang berurusan dengan Ar-Rahnu.
- 5.9 Dr Siti Norafidah bin Mohd Ramli (21363) bertanya apakah sumber pendapatan Ar Rahnu.
- 5.10 Pengurus memaklumkan beberapa perkara seperti berikut
 - i. Pendapatan utama Ar-Rahnu adalah daripada Upah Simpan disamping itu Ar-Rahnu juga mempunyai pendapatan sampingan seperti khidmat cucian emas, khidmat pembayaran bil iaitu Bank Rakyat Care dan ejen Bank Rakyat. Faktor utama yang dikenal pasti yang menyebabkan kerugian adalah disebabkan;-
 - Upah simpan Ar-Rahnu adalah yang rendah
 - Kurangnya promosi yang dilakukan kerana tiada unit promosi
 - Pengurus memaklumkan faktor-faktor yang mempengaruhi adalah daripada susut nilai bangunan yang tinggi dan sangat mahal. Selain itu, kedudukan Ar Rahnu tidak strategik dan kekurangan promosi yang dilaksanakan.

- 5.11 En Abd Latif bin Zainal (21461) mencadangkan perlu melaksanakan kajian risiko pendapatan dan perbelanjaan Ar Rahnun setiap bulan.

Laporan Akaun Teraudit dan Pembahagian Keuntungan Bersih Teraudit diterima.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

AGENDA 6 MELANTIK ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

- 6.1 Melantik lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi untuk memenuhi kekosongan kerana tamat tempoh perkhidmatan mengikut giliran di bawah Undang-undang Kecil 37 (1). Berikut adalah senarai calon :-

Bil	Nama	No. Anggota
1.	Tuan Haji Maradzi bin Ismail	19606
2.	Tuan Haji Abidin bin Samah	12417
3.	Puan Norbaiti binti Haji Alias	18444
4.	Puan Siti Zelaha binti Mohamad	20574
5.	Puan Hajah Shuhana binti Ahmad	19969
6.	Puan Hajah Hamidah binti Haji Mohd Arif	19347

Merujuk UUK 37 (5) Anggota Lembaga yang dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan hendaklah berkhidmat sehingga mesyuarat agung perwakilan tahunan akan datang. Oleh yang demikian, Encik Muhamad Baddri bin Ahmad telah dilantik pada tahun 2021 berdasarkan UUK 35. Pengisian jawatan anggota lembaga hendaklah diisi dengan merujuk kepada UUK 36 (1) dan UUK 35.

- 6.2 Tuan Haji Ali bin Jaamat (16524) selaku JKAD membentangkan keputusan undian iaitu 5 daripada 6 calon meraih undian untuk mengisi kekosongan Lembaga:-

Bil	Nama	No. Anggota
1.	Tuan Haji Maradzi bin Ismail	19606
2.	Tuan Haji Abidin bin Samah	12417
3.	Puan Norbaiti binti Haji Alias	18444
4.	Puan Siti Zelaha binti Mohamad	20574
5.	Puan Hajah Hamidah binti Haji Mohd Arif	19347

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN YANG BERIKUTNYA

- 7.1 Bendahari membentangkan Belanjawan Tahunan Koperasi bagi tahun 2022 dari mukasurat 35 hingga 41. Beliau menyatakan bahawa belanjawan yang akan dibentang terdapat pindaan seperti berikut ;-

Pindaan Lebihan Belanjawan Ar Rahnu Seremban

Bendahari memaklumkan seperti berikut ;-

Anggaran Tahun 2022	Pindaan Anggaran Tahun 2022	Anggaran Tahun 2023	Pindaan Anggaran Tahun 2023
64,598.50	73,904.00	4,150.00	45,590.00

Pindaan Lebihan Belanjawan & Penggajian Ar Rahnu Nilai

Bendahari memaklumkan seperti berikut ;-

i. Bahagian Penggajian

Anggaran Tahun 2022	Pindaan Anggaran Tahun 2022	Anggaran Tahun 2023	Pindaan Anggaran Tahun 2023
68,400.00	60,500.00	62,780.00	66,780.00

ii. Bahagian Lebihan Belanjawan

Anggaran Tahun 2022	Pindaan Anggaran Tahun 2022	Anggaran Tahun 2023	Pindaan Anggaran Tahun 2023
15,780.00	36,690.00	11,990.00	7,990.00

Pindaan Pendapatan, Bayaran Pengurusan dan Lebihan Belanjawan Projek Tanam Semula Kelapa Sawit

Bendahari memaklumkan seperti berikut ;-

i. Bahagian Pendapatan

Anggaran Tahun 2022	Pindaan Anggaran Tahun 2022	Anggaran Tahun 2023	Pindaan Anggaran Tahun 2023
119,700.00	324,000.00	330,000.00	420,000.00

ii. Bahagian Pengurusan

Anggaran Tahun 2022	Pindaan Anggaran Tahun 2022	Anggaran Tahun 2023	Pindaan Anggaran Tahun 2023
168,800.00	189,800.00	192,800.00	218,300.00

iii. Bahagian Lebihan Belanjawan

Anggaran Tahun 2022	Pindaan Anggaran Tahun 2022	Anggaran Tahun 2023	Pindaan Anggaran Tahun 2023
(103,410.00)	97,230.00	95,130.00	159,630.00

Pindaan Keseluruhan Lebihan Belanjawan KOMBEK bagi Tahun 2022 dan 2023

Bendahari memaklumkan seperti berikut ;-

Anggaran Tahun 2022	Pindaan Anggaran Tahun 2022	Anggaran Tahun 2023	Pindaan Anggaran Tahun 2023
175,760.50	189,889.00	242,064.00	298,564.00

- 7.2 Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226) amat yakin terhadap penanaman ladang sawit ini dan amat menyokong dengan aktiviti dan pelaksanaan ladang sawit ini. Beliau mengucapkan tahniah kepada ALK koperasi kerana dapat menguruskan projek ladang sawit dengan sempurna.
- 7.3 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) menyatakan bajet yang dibentangkan dalam peruntukan mencetak buku berjumlah RM 4,000.00, mohon peruntukan itu digunakan untuk tujuan tersebut.
- 7.4 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) menegaskan bahawa Ar-Rahnu perlu memastikan pendapatan melebihi perbelanjaan supaya akaun Ar Rahnu kembali positif.
- 7.5 Dr. Siti Norafidah binti Mohd Ramli (21363) menyatakan bahawa pihak pengurusan perlu mempertimbangkan penambahan kakitangan untuk menjalankan promosi perniagaan koperasi.

Mesyuarat meluluskan belanjawan tahunan 2022.

Dicadang oleh :- Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh :- Encik Mohd Sofe bin Ibrahim (17226)

**AGENDA 8 MELULUSKAN ELAUN KEPADA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA
AUDIT DALAMAN**

Bendahari membentangkan cadangan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman di muka surat 36.

Mesyuarat meluluskan elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman.

Dicadang oleh :- Encik Mohd Sofe bin Ibrahim (17226)
Disokong oleh :- Encik Zulkipli bin Nordin (18874)

**AGENDA 9 MELULUSKAN SATU PANEL FIRMA JURUAUDIT UNTUK
MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI.**

- i. Tetuan Ali Yusof & Co
No. 115-2, Jalan Toman 6
Kemayan Square
70200 Seremban
Negeri Sembilan.
- ii. Tetuan Harman Shah & Associates
No. 20, Tingkat 1, Lorong Desa Manggis 1/1
Taman Desa Manggis, Jalan Tunku Kurshiah
70400 Seremban
Negeri Sembilan.
- iii. Tetuan Mohd Noh & Co
No. 57-1, Jalan Taman Komersil Senawang 7
Taman Komersil Senawang
70450 Seremban
Negeri Sembilan.
- iv. Tetuan Azli & Co
24-25, 1st Floor
Lorong Haruan Commerce Square
70300 Seremban
Negeri Sembilan.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menyerahkan kepada ALK untuk membuat perlantikan.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

AGENDA 10 MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI SEHINGGA RM10 JUTA (RINGGIT MALAYSIA : SEPULUH JUTA) DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 54 AKTA

Pengerusi meminta mesyuarat menimbang dan meluluskan Skop dan Had Pelaburan tersebut.

Mesyuarat sebulat suara meluluskan Skop dan Had Pelaburan Koperasi sehingga RM10 Juta Dari Wang Berlebihan Koperasi Mengikut Seksyen 54 Akta.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

AGENDA 11 MENIMBANG DAN MELULUSKAN HAD KETERHUTANGAN KOPERASI SEBANYAK RM30 JUTA (RINGGIT MALAYSIA : TIGA PULUH JUTA SAHAJA)

Pengerusi meminta mesyuarat menimbang dan meluluskan had Keterhutangan Koperasi tersebut.

Mesyuarat sebulat suara meluluskan menetapkan Had Keterhutangan Koperasi sebanyak RM30 Juta.

Dicadang oleh : Encik Zulkipli bin Nordin (18874)
Disokong oleh : Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli (19195)

AGENDA 12 MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MELULUSKAN APA-APA USUL DARI LEMBAGA DAN ANGGOTA MELALUI PERWAKILAN YANG DITERIMA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG.

12.1 USUL-USUL DARIPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Pengerusi koperasi membentangkan tiga usul daripada Anggota Lembaga

Usul 1

Permohonan Bantuan/Geran daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia/Agensi Kerajaan bagi tujuan projek-projek dan aktiviti pembangunan koperasi.

Encik Abd Latif bin Zainal (21461) menyokong supaya usul ini dilaksanakan bagi tujuan projek dan aktiviti koperasi.

Usul 2

Permohonan Pembiayaan Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia/Bank-bank Tempatan bagi tujuan projek-projek dan aktiviti pembangunan koperasi seperti berikut ;-

- i. Pembangunan kompleks KOMBEK NS di Forest Height, Seremban
 - ii. Projek Integrasi Ladang
 - a) Cadangan membuat projek aquakultur bagi memelihara ikan air tawar di ladang. Jenis ternakan iaitu ikan talapia merah, baung dan keli dengan kapasiti 8000 ekor untuk dua kolam bersaiz 70 kaki x 70 kaki
 - b) Melaksanakan program Integrasi Ladang antaranya ternakan ruminan seperti kambing dan itik telur.
 - iii. Lain-lain pembangunan yang akan dirancang oleh Anggota Lembaga kelak.
- 12.1.1 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) menyokong usul tersebut kecuali usul 2(iii).
- 12.1.2 Tuan Haji Zulkarnain bin Hj Abd Kadir (18943) menyokong usul tersebut kecuali usul 2(ii)(b) kerana mempunyai banyak risiko.
- 12.1.3 Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (1722) bersetuju dengan kesemua usul yang dibentangkan oleh Pengerusi.

USUL 3

Cadangan jualan Lot Tanah 6739, Taman Bukti
Justifikasi :-

Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-94 meluluskan tanah ini bagi projek Pembangunan Rumah Berkembar 2 tingkat dan 2 Unit Rumah Banglo 2 tingkat. Walaubagaimanapun, hasil kajian yang dilakukan, kos untuk membangunkan tanah tersebut terlalu tinggi akibat kenaikan kos bahan binaan.

Justeru itu, mesyuarat Anggota Lembaga memutuskan untuk menjual tanah tersebut secara pecah lot.

12.1.4 Tuan Haji Abidin bin Samah (12417) memaklumkan bahawa usul-usul yang dicadang ini telah dibincangkan di dalam Biro Pengurusan Risiko. Oleh yang demikian, pada harini dibentangkan untuk mendapatkan mandat kepada perwakilan untuk dilaksanakan. Segala pandangan yang diberikan akan dikumpulkan dan dibincangkan pada peringkat lembaga. Beliau menyatakan keutamaan yang akan dilaksanakan adalah projek aquakultur memandangkan diladang tersebut terdapat paya yang terbiar. Projek ini akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan pihak Veterina.

12.1.5 Encik Abd Latif bin Zainal (21461) memaklumkan bahawa koperasi perlu mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada agensi-agensi yang berkenaan sebelum melaksanakan projek-projek tersebut.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan usul-usul tersebut kecuali menolak satu iaitu usul 2(iii) iaitu lain-lain pembangunan yang akan dirancang oleh Anggota Lembaga kelak.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

12.2 Usul-Usul Daripada Mesyuarat Agung Kawasan Seremban 2022

USUL KAWASAN SEREMBAN			
	USUL	CATATAN	JAWAPAN ALK
1.	Singkatkan masa kelulusan bagi peminjam yang menepati kelayakan dalam tempoh 1 jam.	Proses kelulusan pinjaman yang memakan masa sangat lama menyukarkan perancangan ahli dan perlu menunggu kelulusan ALK. Dimana relevannya jika syarat ahli untuk meminjam menepati kelayakan tetapi menunggu masa hampir sebulan bagi kelulusan ALK? Berbanding Bank Rakyat yang merupakan bank koperasi yang boleh	Proses pengeluaran pinjaman tertakluk kepada beberapa proses kelulusan yang tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan. Tempoh kelulusan selama 7 hari bekerja. Kajian akan dilakukan terhadap SOP PEMBIAYAAN sedia ada demi kemudahan anggota KOMBEK dimasa akan datang.

USUL KAWASAN SEREMBAN			
	USUL	CATATAN	JAWAPAN ALK
		memberikan kelulusan dalam tempoh 1 jam. Apa perbezaannya sedangkan sama juga iaitu KOPERASI?	
2.	Tawarkan interest yang jauh lebih rendah berbanding bank	Dicadangkan interest 2% dengan mengurangkan tempoh pinjaman selama 5 tahun. Kaedah ini perlu dilaksanakan dengan mengejar kuantiti peminjam. Keuntungan lebih kepada kuantiti yang ramai meminjam.	Kajian akan dilakukan diatas cadangan yang diusulkan demi kemudahan anggota KOMBEK.
3.	Fokus kepada aktiviti perniagaan utama koperasi iaitu kredit	Pelbagai aktiviti perniagaan KOMBEK menyebabkan hilang motivasi pekerja hingga tidak berfokus kepada aktiviti utama iaitu KREDIT. Jika fokus diberikan dan bertumpu, aktiviti utama ini sahaja akan memberi pulangan yang berlipat kali ganda kerana kelebihan yang ada berbanding koperasi yang baru iaitu aktiviti kredit yang tidak dibenarkan lagi oleh SKM kepada koperasi yang baru ingin .	1) fungsi utama perniagaan KOMBEK adalah aktiviti kredit sebagaimana yg ditafsirkan didalam UUK fasal 8 dan KOMBEK turut mempunyai aktiviti perniagaan yang lain sebagaimana yang ditafsirkan di UUK fasal 9. 2) Aktiviti kredit adalah menjadi perniagaan utama walaubagaimana-pun sejak kebelakangan ini anggota KOMBEK banyak membuat pinjaman di institusi Bank berikutan tawaran interest pembiayaan lebih rendah.
4.	Perancangan Strategik perlu dilakukan bagi meningkatkan prestasi aktiviti kredit	Pelan Strategik jangka masa panjang dan pendek perlu dirangka bagi meningkat prestasi keuntungan aktiviti utama KOMBEK iaitu kredit.	Kajian akan dilakukan demi kemudahan anggota kombek dan pulangan keuntungan yang maksimum.
5.	Aktiviti pemasaran terhadap aktiviti Kredit perlu dipertingkatkan sewajarnya	Wujudkan unit pemasaran bagi tujuan memasarkan khidmat pinjam.	Dalam Tindakan ALK untuk mewujudkan unit pemasaran sebagaimana Plan strategik yang telah dirangka dan diluluskan

USUL KAWASAN SEREMBAN			
BIL	USUL	CATATAN	JAWAPAN ALK
6.	Merujuk kepada laporan kewangan, kunci kira-kira dan perbelanjaan serta pembiayaan yang dilaksanakan. Prosedur dan tatacara yang menjadi garis panduan.	Mohon pencerahan terhadap tatacara perolehan mengenai perlantikan kontraktor, pemilihan syarikat yang menjalankan kerja untuk aktiviti koperasi, perjalanan urusan Kredit koperasi. Hal ini oleh menyumbang ke arah ketirisan dan integriti. Sila jelaskan prosedur yang diikuti dan dijadikan garis panduan dalam perihal tatacara perolehan dan kewangan koperasi	1) Segala perniagaan KOMBEK di pantau dan disemak oleh 4 orang Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi yang berkaliber dan telah dikursuskan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMA) sebagaimana yang diperuntukan di dalam UUK fasal 58. 2) Segala laporan pengauditan akan dibentangkan untuk menilai terhadap perjalanan sebenar perniagaan Operasi KOMBEK

- 12.2.1 Encik Zulkipli bin Nordin (18874) menyatakan pada usul no 2 yang dibentangkan, tawaran faedah pinjaman yang lebih rendah daripada bank dan koperasi lain tidak boleh dibandingkan dengan koperasi ini kerana koperasi pernah menawarkan kadar interest yang lebih tinggi berbanding kadar faedah terkini. Kini kadar faedah pinjaman 3.2% dan wajar ianya dikekalkan bagi membolehkan koperasi mendapat keuntungan. Oleh itu, beliau mohon cadangan tersebut ditolak.
- 12.2.2 Dr Siti Norafidah binti Mohd Ramli (21363) bertanya mengapakan proses kelulusan pinjaman koperasi ini mengambil masa agak lama.
- 12.2.3 Pengerusi KOMBEK memaklumkan bahawa tempoh pemprosesan tersebut adalah bergantung kepada kelulusan Mesyuarat Bulanan Lembaga. Segala prosedur yang dilakukan adalah mengikut pada aturan yang telah ditetapkan.

- 12.2.4 Encik Mohd Yusri bin Mohd Za'ali (21463) melihat bahawa mesyuarat ini hanya lebih fokus kepada perihal perniagaan koperasi dan tidak membincangkan penambahan anggota koperasi. Beliau berharap semua perwakilan yang hadir ini dapat memikirkan kaedah untuk menambahkan keahlian baru. Selain itu, beliau mencadangkan agar koperasi membuka "booth" atau kaunter bagi mencari keahlian baru. Oleh itu, koperasi perlu menyediakan sejumlah peruntukan bagi melaksanakannya.
- 12.2.5 Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas cadangan tersebut. Beliau menyatakan bahawa koperasi telah membuka "booth" di sektor-sektor kerajaan tetapi sambutan yang diterima masih kurang menggalakkan.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima usul-usul tersebut kecuali usul 2.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

12.3 USUL-USUL DARIPADA PERWAKILAN

12.3.1 Tuan Haji Sofe Bin Ibrahim (17226)

Cadangan Menternak Lembu Di Ladang Sawit

- i. Kawasan Ladang yang Luas
- ii. Mengurangkan semak samun dan boleh menghasilkan baja kepada pokok sawit.
- iii. Ladang akan selalu dipantau dan keselamatan buah sawit tidak dicuri.
- iv. Dapat memajukan kolam ikan dan menanam tanaman kontan ditanah yang baru dipohon.
- v. Koperasi sentiasa berusaha mencari peluang dan kegunaan tanah yang maksimum.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima usul tersebut.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

USUL 1

12.3.2 Puan Hajah Shuhana Binti Ahmad

Cadangan Untuk Mengambil Kelab Pesara Kerajaan Malaysia (Kupek Mas) Untuk Menjadi Anggota Koperasi Kombek.

Puan Hajah Shuhana memaklumkan kepada mesyuarat agar KOMBEK membuka keahlian kepada pesara-pesara kerajaan. Jika diluluskan beliau sebagai ahli KUPEK Mas akan mengesyorkan kepada semua ahli untuk menyertai keanggotaan KOMBEK.

Pengerusi memaklumkan usul tersebut adalah tidak mematuhi UUK fasal 11 iaitu kelayakan untuk menjadi anggota kombek hendaklah orang melayu yang berkhidmat dengan Kerajaan.

Mesyuarat sebulat suara menolak usul tersebut.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

USUL 2

12.3.3 Puan Hajah Shuhana Binti Ahmad

Cadangan tanaman sampingan diladang KOMBEK seperti tanaman sayuran dan kolam ikan untuk menambah sumber pertanian Negeri Sembilan.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima usul tersebut.

Dicadang oleh : Puan Hajah Shuhana binti Ahmad (19669)
Disokong oleh : Tuan Haji Enbi Hajal bin Ramli (19195)

USUL 1

12.3.4 Encik Abd Latif Bin Zainal (21461)

Mengekalkan elaun kehadiran perwakilan sebanyak RM500.00 (Lima Ratus Sahaja)
Petunjuk kepada kemampuan Koperasi dalam prestasi dan menghargai perwakilan.

Pengerusi memberikan makluman terhadap usul tersebut seperti berikut;-

- i. Pembayaran elaun kehadiran adalah tertakluk kepada bajet yang diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan.
- ii. Untuk mengekalkan elaun kehadiran sebanyak RM 500.00 seorang adalah suatu yang perlu dibuat kajian dan dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima usul tersebut tetapi tertakluk kepada bajet yang diluluskan Mesyuarat Agung Tahunan sebelum ini dan merujuk pada pandangan SKM NS.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)

Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

USUL 2

12.3.5 Encik Abd Latif Bin Zainal (21461)

Kurangkan Anggota Lembaga Kepada 9 Orang

- i. Kurangkan kos Koperasi
- ii. Anggota semakin kurang
- iii. Kurangkan karenah birokrasi dalam pengurusan koperasi

Encik Abd Latif Bin Zainal (21461) memaklumkan bahawa cadangan untuk mengurangkan barisan ALK adalah kerana anggota koperasi yang semakin berkurangan.

Seterunya beliau menyatakan bahawa terpulang kepada semua perwakilan terhadap usul yang dibentangkan sama ada diterima atau tidak oleh perwakilan.

Pengerusi memaklumkan seperti berikut

- i. Pengurangan ALK tidak boleh disandarkan kepada jumlah ahli. Merujuk AKTA KOPERASI 1993 seksyen 44 iaitu Tugas-tugas dan kuasa lembaga selain mentadbir koperasi, ALK juga perlu mengurus dan mengawasi aktiviti perniagaan koperasi sebagaimana perniagaan yang telah didaftarkan didalam UUK fasal 9.
- ii. Sekiranya ALK dikurangkan Pelan strategi Visi dan Misi KOMBEK yang telah diluluskan akan mempunyai kesan berikutan setiap ALK telah mempunyai KPI yang perlu dicapai menjelang tahun 2026.

Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli (19195) tidak bersetuju dengan usul tersebut kerana pandangan beliau koperasi kini banyak melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Encik Abd Latif Bin Zainal (21461) menarik semula usul tersebut setelah mendengar pencerahan daripada pengerusi.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menolak usul tersebut.

Dicadang oleh : Encik Abd Latif bin Zainal (21461)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

12.3.6 Tuan Haji Zulkarnain Bin Haji Abd Kadir (18943)

Memandangkan Ahli Kombek Yang Hanya Tinggal Kira Lebih Kurang 700 Orang Dan Masih Terdapat Lagi Ahli Yang Mohon Berhenti Di Sebabkan Oleh Kadar Dividen

Yang Rendah Serta Kebanyakan Harta
KOMBEK Telah Dicagarkan

- i. Mengurangkan kos pengurusan
- ii. Bilangan ALK 9 dirasakan memadai dengan jumlah ahli semakin berkurangan
- iii. ALK yang ramai pun gagal menambah bilangan ahli dari masa ke semasa
- iv. Akhirnya nanti kadar yuran tidak mampu menanggung kos pengurusan.
- v. Pihak ALK harus memahami bahawa kini masa untuk mengurangkan kos operasi.

Pengerusi memaklumkan bahawa usul yang dibahaskan oleh Tuan Haji Zulkarnain adalah sama usul yang dibentangkan oleh Encik Abd Latif .


Tuan Haji Zulkarnain bin Hj Abd Kadir (18943) menarik semula usul tersebut setelah mendengar pencerahan daripada pengerusi.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menolak usul tersebut.

Dicadang oleh : Tuan Haji Zulkarnain Bin Haji Abd Kadir
(18943)
Disokong oleh : Tuan Haji Sofe bin Ibrahim (17226)

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Dicatat oleh :-


(TUAN HAJI MARADZI BIN ISMAIL, DNS, AMN, ANS, PPN, PMC, PJK (19606)
Setiausaha



AGENDA 4

**MENIMBANG LAPORAN
LEMBAGA KOPERASI &
LAPORAN JAWATANKUASA
AUDIT DALAMAN**

**MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN LEMBAGA KOMBEK BAGI
TAHUN 2022/2023**

Menimbang Laporan Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dan laporan lembaga koperasi.

1) LAPORAN BIRO PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN PERLANCONGAN

Pengerusi : Tuan Haji Mohd Shah Bin L.Latif
Setiausaha : Tuan Haji Maradzi Bin Ismail
Jawatankuasa : Encik Zulkiflee Bin Arop

1.1 MODAL YURAN DAN SYER ANGGOTA

Pekara	Sehingga 31 Disember 2022	Sehingga 31 Disember 2021
Saham	1,068,233.00	1,110,594.00
Yuran	7,387,096.00	7,515,287.00

1.2 PEMBIAYAAN ANGGOTA

Pembiayaan dikeluarkan Jenis Pembiayaan	Tahun 2022	Tahun 2021
Pinjaman Biasa, Pinjaman Hari Raya, Pinjaman Covid	RM688,000.00	RM461,400.00
Pinjaman Pelancongan	RM28,000.00	RM69,000.00
Pinjaman Pengguna/Insuran	RM49,700.00	RM48,900.00

1.3 PELABURAN SAHAM SIARHARGA

Bil	Saham Siarharga Masih Dalam Pegangan	No. Saham	Tarikh Beli	Bil Unit	Harga Seunit	Jumlah Kos Asal	Harga Seunit 30.06.202 3	Nilai Seunit 30.06.202 3
1.	Kewangan Usaha Bersatu Bhd	6874	06.02.84	9,400	1.00	9,400.00	0.500	4,700.00
2.	Mitrajaya Holding Bhd	9571	26.11.94	8	3.50	3,500.00	0.255	2.04
3.	Pintaras Jaya Bhd	9598	15.12.94	8,400	3.10	26,040.00	1.700	14,280.00
4.	YTL Power International Bhd	6742	15.05.97	6,042	3.40	20,542.80	1.280	7,733.76
5.	KPS Consortium Bhd	9121	08.12.02	1,000	2.10	2,100.00	0.585	585.00
6.	Air Asia Bhd	5238	09.07.13	100,000	1.25	125,000.00	1.660	166,000.00
						186,582.80		193,300.80



1.4 PELABURAN SAHAM TAK SIARHARGA


Bil	Saham Dalam Pegangan	Tarikh Beli	Harga Seunit	Bil Unit	Jumlah	Jumlah Kos Asal
1.	Koperasi Permodalan Dan Perusahaan Melayu NS Bhd * Saham Biasa * Saham Biasa * Div '19 (Tambahan Ke Saham Biasa) * Saham Bonus	09.11.56 23.06.15 28.06.96	1.00 1.00 1.00	37,939.77 6,455.82 2,905.09 105,604.41	37,939.77 6,455.82 2,905.09 105,604.41	332,140.75
2.	Sykt Kerjasama Perusahaan Baja Kertas (M) Bhd	1961	10.00	300.00	3,000.00	3,000.00
3.	Koperasi MCIS Berhad	1962	1,000.00	150.00	150,000.00	123,000.00
4.	Koperasi Perdana Jaya Bhd	1963	1.00	51,000.00	51,000.00	50,000.00
5.	Konsortium Koperasi Nasional Bhd	1980 - 1982	1.00	10,660.00	10,660.00	10,250.00
6.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd * Saham Biasa * Saham Bonus	Ogos 2015 09.10.90 29.06.01	10.00 10.00	80,000.00 200,000.00 263,852.00	80,000.00 200,000.00 263,852.00	80,000.00 20,000.00
7.	Johor Port Berhad	08.10.96	2.30	1,000.00	2,300.00	2,300.00
8.	Konsortium Koperasi Pengguna Malaysia Berhad	07.11.02	1.00	29,500.00	29,500.00	40,000.00
9.	Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad	09.06.10	1.00	51,625.00	51,625.00	50,000.00
10.	Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Bhd	23.04.15	1.00	11,775.75	17,775.75	10,000.00

1.5 Kedudukan Terkini Keuntungan Koperasi sebelum diaudit bagi tahun kewangan 31 Julai 2023.

Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 17 Ogos 2023 telah mengesahkan keuntungan koperasi bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Julai 2023 adalah seperti berikut :-

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD (Didaftarkan di Malaysia)			
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN - INDUK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023			
	2023	BAJET INDUK	PERATUSAN
	RM	RM	RM
PENDAPATAN			
Yuran masuk anggota	150.00	1,000.00	15.00%
Bayaran perkhidmatan pinjaman	6,600.00	17,600.00	37.50%
Deposit diterima dihapuskira	-	-	0.00%
Dividen diterima atas saham-saham pelaburan	79,685.91	121,000.00	65.86%
Hibah / Borang Pinjaman / Komisyen Bank (Pel. Pendapatan)	1,933.63	6,700.00	28.86%
Pembalikan atas rosot nilai saham	-	-	0.00%
Pendapatan atas tuntutan gantirugi	-	-	0.00%
Keuntungan atas simpanan tetap	-	42,350.00	0.00%
Keuntungan atas penjualan pelaburan saham	-	-	0.00%
Keuntungan atas pinjaman	133,518.46	715,000.00	18.67%
Keuntungan atas pelupusan aset HMPD	-	-	0.00%
Pendapatan sewa	432,480.25	700,469.00	61.74%
Komisyen takaful	1,975.95	54,450.00	3.63%
Komisyen pelancongan	-	10,000.00	0.00%
Spekar	-	-	0.00%
Pendapatan Projek Ar-Rahnu Seremban	129,630.33	338,940.00	27.33%
Pendapatan Projek Ar-Rahnu Nilai	192,510.06	312,500.00	35.88%
Pendapatan Projek Ladang	181,402.10	420,000.00	43.19%
	1,159,886.69	2,740,009.00	294.47%
Tolak :			
Kos Perbelanjaan Projek Ar-Rahnu Seremban	(125,028.38)	(293,350.00)	-42.62%
Kos Perbelanjaan Projek Ar-Rahnu Nilai	(164,316.73)	(304,510.00)	-53.96%
Kos Perbelanjaan Projek Ladang	(124,741.97)	(260,370.00)	-45.65%
JUMLAH PENDAPATAN	745,799.61	1,881,779.00	152.24%
PERBELANJAAN			
Alatulis dan percetakan	3,416.50	7,500.00	45.55%
Air, elektrik dan pembentungan	10,549.67	23,900.00	44.14%
Akhbar dan majalah	-	350.00	0.00%
Bayaran Guaman	4,289.40	22,000.00	19.50%
Belanja hutang ragu	-	8,000.00	0.00%
Belanja proses pinjaman (Spekar)	257.05	500.00	51.41%
Buletin dan kalender	1,548.00	10,000.00	15.48%
Caj pembiayaan SKM - HMPD	377.91	1,500.00	25.19%
Caj pembiayaan SKM - Kredit & Sg Gadut	5,845.55	35,000.00	16.70%
Caj pembiayaan Bank Rakyat	-	14,900.00	0.00%
Caj Pengiraan Cukai Perniagaan / Tax	-	9,000.00	0.00%
Cukai SST	242.57	1,500.00	16.17%
Cukai pintu dan cukai tanah	6,690.66	43,500.00	15.38%
Elaun Anggota Lembaga Koperasi	42,000.00	72,000.00	58.33%
Elaun Juruaudit Dalaman	-	4,000.00	0.00%
Elaun telefon Anggota Lembaga Koperasi	2,100.00	3,600.00	58.33%
iklan, promosi dan keriaan	653.00	27,000.00	2.42%
Insurans	5,302.09	25,000.00	21.21%
Insentif General Takaful	-	1,815.00	0.00%
Insentif sewaan	700.00	-	0.00%
Insentif Pembawa Keanggotaan	-	600.00	0.00%
Imbuan juruaudit luar	-	15,000.00	0.00%
Komisyen bank	411.00	600.00	68.50%
Komisyen Biro ANGKASA	3,997.60	15,000.00	26.65%
Komisyen pemungut hutang	-	-	0.00%
Baki hantar hadapan	88,381.00	342,265.00	25.82%

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD (Didaftarkan di Malaysia)			
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN - INDUK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023			
	2023	BAJET INDUK	PERATUSAN
	RM	RM	RM
Tolak : PERBELANJAAN (Sambungan)			
Baki bawa hadapan	88,381.00	342,265.00	25.82%
Kos kakitangan :			
Elaun kerja lebih masa	82.97	12,000.00	0.69%
Elaun praktikal	200.00	2,000.00	10.00%
Gaji dan upah kakitangan	201,354.00	472,280.00	42.63%
Kumpulan wang simpanan pekerja	24,484.00	53,380.00	45.87%
Perkeso	4,112.90	7,970.00	51.60%
Perubatan	1,938.00	10,200.00	19.00%
Uniform Kakitangan	-	2,550.00	0.00%
Kursus Dan Seminar - ALK	450.00	25,000.00	1.80%
Kursus Dan Seminar - Kakitangan	288.30	-	-
Lain-lain Mesyuarat	-	1,500.00	0.00%
Mesyuarat agung tahunan	-	45,000.00	0.00%
Mesyuarat anggota lembaga	6,700.00	15,000.00	44.67%
Mesyuarat audit dalaman	-	2,000.00	0.00%
Mesyuarat biro	2,072.00	1,650.00	125.58%
Pakaian seragam ALK & JKAD	-	3,200.00	0.00%
Pelbagai belanja	1,842.25	20,000.00	9.21%
Pertupusan Aset HMPD	-	-	0.00%
Pengurusan Tanah	1,500.00	30,000.00	5.00%
Perisian Komputer	-	10,000.00	0.00%
Rosotnilai saham	-	8,800.00	0.00%
Rugi atas penjualan saham	-	5,000.00	0.00%
Rugi atas pelupusan aset HMPD	-	-	0.00%
Pembaikan dan penyelenggaraan alatan pejabat dan bangunan	10,892.40	45,000.00	24.21%
Selenggara komputer	1,567.90	15,000.00	10.45%
Setem & Pos	433.90	5,250.00	8.26%
Sewa bangunan Telok Kemang - MAINS & Permodalan	61,290.04	87,120.00	70.35%
Susutnilai Aset HMPD & KOMBEX	110,650.94	250,000.00	44.26%
Telefon	4,496.35	12,000.00	37.47%
Tuntutan perjalanan ALK	9,114.30	35,000.00	26.04%
Tuntutan perjalanan Kakitangan	3,467.75	16,500.00	21.02%
	535,319.00	1,535,665.00	34.86%
Keuntungan tahun semasa dan dipindahkan kepada akaun pembahagian keuntungan	210,480.62	346,114.00	60.81%
Disediakan Oleh,		Disahkan Oleh,	
			
MUHAMMAD MUZZAMIL BIN MOHD SAIBANI		ZULKIFLEE BIN ARAP	
PENOLONG AKAUNTAN		(BENDAHARI)	



KOMBEK

KEARAH KEMAKMURAN BERSAMA

Bil	Aktiviti / Perniagaan	Kadar insentif	Penerangan
1	Membawa ahli baru	RM 20/orang	Ahli koperasi yang membawa prospek untuk menyertai koperasi akan menerima kadar insentif dengan syarat ahli yang didaftarkan hendaklah telah aktif potongan yuran di koperasi sekurangnya sebulan
2	Membawa penyewa hartanah	Sebulan sewa	Ahli koperasi yang membawa prospek penyewa akan diberikan insentif sebulan sewaan dengan syarat penyewa tersebut telah membuat bayaran sewa sekurang sebulan sewa
3	Membawa pembeli hartanah	2% daripada harga jualan	Ahli koperasi yang membawa prospek pembeli hartanah akan diberikan insentif dengan syarat pembeli tersebut telah sempurna melakukan proses bayaran dan borang 14A sempurna di peringkat pejabat tanah.
4	Membawa rakan yang hendak membuat Takaful kenderaan	3% daripada harga bayaran premium	Ahli koperasi yang membawa rakan untuk membuat takaful kenderaan akan diberikan insentif dengan syarat sijil takaful tersebut telah dikuatkuasakan oleh pihak operator takaful koperasi.
5	Membawa penyewa papan iklan (billboard)	5% daripada kadar sewaan	Ahli koperasi yang membawa prospek penyewa akan diberikan insentif


Anggota Lembaga mengesahkan pada Mesyuarat Agung Perwakilan kali ini agar cadangan Aktiviti Pemberian Insentif diluluskan sebagaimana Laporan di Lampiran.

2) BIRO HARTANAH & BANGUNAN


Pengerusi : Tuan Haji Anuar Bin Kasim
Setiausaha : Puan Norbaiti Binti Haji Alias
Jawatankuasa : Tuan Haji Shahman Bin Sulaiman
Jawatankuasa : Encik Muhamad Baddri Bin Ahmad

2.1 Senarai Hartanah Yang Disewakan


Koperasi mempunyai beberapa hartanah yang disewakan sebagai pendapatan. Hartanah yang terlibat dengan sewaan.



Rajah 1: Bayaran Sewaan



Rajah 2 : Bayaran Sewaan Tahun 2022





Rajah 3 : Bayaran Sewaan Tahun 2023 Sehingga Julai

Jumlah pendapatan sewaan bagi premis yang disewa seperti berikut :-

Pendapatan sewaan bulanan = RM56,149.75
 Pendapatan sewaan tahunan = RM673,797.00

2.2 Bangunan koperasi yang tiada penyewa

Bil	Premis /Lot Yang Disewa	Nama, Alamat & No.Telefon	Sewa Sebulan RM	Keluasan	Gambar Premis
1.	No.21-1,Tkt. Atas, Jln.TJ 3/2B,S.wang Link Kaw. Indutsri Tuanku Jaafar 3, Sg.Gadut	Bangunan Kosong	600.00	20X70	
2.	PT 8249 Jalan Dato'Muda Linggi, Ground Floor, 70100 Seremban	Bangunan Kosong	2,500.00	20X75	
3.	PT 8249 Jalan Dato'Muda Linggi Tkt 2, 70100 Seremban	Bangunan Kosong	800.00		
4.	PT 8249 Jalan Dato'Muda Linggi Tkt 3, 70100 Seremban	Bangunan Kosong	600.00		
5.	PT 8250 Jalan Dato'Muda Linggi Tkt 2, 70100 Seremban	Bangunan Kosong	800.00		
6.	PT 8250 Jalan Dato'Muda Linggi, Tingkat 3, 70100 Seremban	Bangunan Kosong	600.00		
7.	Lot 429/ PT 577, Tingkat 2, Jalan Haruan 4 Oakland Commercial Centre Seremban 2	Bangunan Kosong	700.00		

Nota : X Tiada Penyewa

2.3 Tanah koperasi yang kosong

Bil	Lot kosong	Keluasan		Status Tanah
1.	Lot 6739 ,Pekan Bukti, Mukim Ampangan	70800 Kaki Persegi (1.6 Ekar)	Tanah Kosong	Cadangan Perumahan
2.	Lot 6725 Taman Bukti, Ampangan	8440 Kaki Persegi	Tanah Kosong	Tapak Tangki Air/ Tanah Cerun
3.	Lot 6508 Taman Bukti, Ampangan	7607 Kaki Persegi	Tanah Kosong	Kompleks
4.	Lot 6509 Taman Bukti, Ampangan	7689 Kaki Persegi	Tanah Kosong	Kompleks
5.	PT 383 Jalan Tuanku Munawir, Seremban	1700 Kaki Persegi	Tanah Kosong	Tanah Kosong

2.4 Premis Kegunaan Koperasi

Pihak koperasi telah menggunakan beberapa premis untuk kegunaan sendiri bagi menjalankan aktiviti koperasi. Premis yang terlibat adalah seperti di bawah :-

BIL	ALAMAT HARTA	KEGUNAAN
1	No. 157, Tingkat Satu Rumah Bukti Jalan Dato' Bandar Tunggal Seremban	Perniagaan Ar Rahnu
2	Lot 39&40 Tingkat Atas Wisma Bukti Taman Bukti, Ampangan	Pejabat Pentadbiran Koperasi
3	No.9 Jala Terminal Nilai 1, Pekan Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan.	Perniagaan Ar-Rahnu
4	Lot 2340 Mukim Serting Ulu Jempol	Tanaman Kelapa Sawit

❖ Jumlah keseluruhan Aset Koperasi :-


- i. Tanah - 6 Unit
- ii. Bangunan 32 Unit
 - Disewa (25 unit)
 - Tiada Penyewa 7 unit (pintu)

3) BIRO LATIHAN, KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & PROMOSI

Pengerusi : Tuan Haji Fauzi bin Haji Razali
Setiausaha : Puan Siti Zelaha Binti Mohammad
Jawatankuasa : Puan Ruzyanah Bin Mohd Yasin
Jawatankuasa : Encik Ahmad Fadil bin Ahmad Balia

3.1 KEANGGOTAAN


Pada tahun 2022 terdapat 21 orang anggota KOMBEK NS yang mencarum berumur dari 21 tahun hingga 34 tahun. Selain itu, seramai 242 orang anggota yang berumur 35 tahun hingga 50 tahun bagi tahun 2022. Seterusnya, anggota yang berumur 51 tahun hingga 59 tahun pula seramai 373 orang yang mencarum. Akhir sekali, terdapat 50 orang anggota mencarum bersama KOMBEK NS yang berumur 60 tahun keatas.



Rajah 1: Pecahan Umur Anggota KOMBEK NS

3.4 Derma Kebajikan AM

Penggunaan Tabung Kebajikan Am bagi tahun 2022 yang merangkumi sumbangan kebajikan pendidikan, menunaikan haji, perubatan dan juga khairat kematian.



- Jumlah keseluruhan yang telah dikeluarkan berjumlah RM33,707.76

Rajah 2: Jumlah permohonan derma kebajikan bagi tahun berakhir 2022

4) LAPORAN BIRO AR-RAHNU

- 1) Pengerusi : Encik Muhammad Amir Bin Abdullah
- 2) Setiausaha : Puan Hajah Hamidah Binti Mohd Arif
- 3) Jawatankuasa : Puan Hajah Siti Rohayu bin Haji Jaafar
- 4) Jawatankuasa : Puan Rusmawati Binti Hazali

ISI KANDUNGAN	
4.1	LAPORAN PELAN PEMULIHAN PENDAPATAN AR-RAHNU
4.2	LAPORAN PRESTASI AR-RAHNU
4.3	LAPORAN PENINGKATAN KOMPETENSI KAKITANGAN AR-RAHNU
4.4	LAPORAN KEKERAPAN TAMBAHAN MODAL TAHUN 2022
4.5	LAPORAN LELONGAN DAN EMAS ' <i>PRELOVED</i> '

4.1 LAPORAN PELAN PEMULIHAN PENDAPATAN AR-RAHNU

Pada tahun 2022, Biro Ar-Rahnu telah merangka Pelan Pemulihan Pendapatan bagi tujuan untuk memulihkan pendapatan Ar-rahnu, hanya adalah seperti berikut:

- 1) Memantapkan lokaliti premis di platform 'online'
- 2) Memantapkan jenama perniagaan (branding)
- 3) Meningkatkan Promosi & Pemasaran
- 4) Memantapkan Operasi dalaman & menambah baik Aturan

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	RAMALAN/'FORECAST'	TEMPOH PELAKSANAAN
1) MEMANTAPKAN LOKALITI PREMIS DI PLATFORM 'ONLINE' & 'OFFLINE'	- Mengemaskini lokasi , gambar dan info di 'Google Business'	- Dijangka peningkatan 40% pelanggan berkunjung berbanding pelanggan yang sedia ada - Peningkatan 50% ahli baru	- 1.8.2022
	- Meletakkan papan tanda arah dan 'billboard' di Ar-Rahnu Seremban		- 22.8.2022
	- Hebahan ke platform media sosial		- Berterusan
2) MEMANTAPKAN JENAMA PERNIAGAAN (BRANDING)	- Program sumbangan barang keperluan harian dan sumbangan zakat kepada yang memerlukan - Menceriakan premis dengan meletakkan 'bunting' info Ar-Rahnu - Masukkan 'content' sumbangan dalam platform "Tiktok".(Ibu Tunggal).	- Peningkatan lebih 30% kehadiran golongan yang memerlukan .	- 29.08.2022
	- Meyelitkan topik Ar-Rahnu ke atas penceramah-penceramah agama - Membuka kaunter pameran di acara-acara rasmi dan pejabat-pejabat kerajaan(sebulan sekali) - Memberi perkhidmatan cuci emas percuma selama 2 minggu	- Peningkatan kesedaran tentang kepentingan Ar-Rahnu - Peningkatan 50% ahli baru	- Bermula 01.08.2022
	- Menyediakan kenderaan (4x4) dan meletakkan pelekat perniagaan dan info Ar-Rahnu		- Julai 2023

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	RAMALAN/'FORECAST'	TEMPOH PELAKSANAAN
3) MENINGKATKAN PROMOSI & PEMASARAN	- Mengadakan program cabutan bertuah dengan emas 'preloved' sebagai hadiah cabutan bertuah.	- Peningkatan lebih 30% kekerapan penggadai	- Bermula 01.09.2022
	- Program 'Hari Bertemu Pelanggan'		- Disember 2022
	- Menjemput 'influencer' ke dalam 'Live' Media Sosial	- Peningkatan lebih 50% 'follower' media sosial	- 25.08.2022
	- Membuat 'content' di Media sosial tentang perniagaan dan produk Ar-Rahnu		- Berterusan
	- Membuka kaunter pameran di acara-acara rasmi dan pejabat-pejabat kerajaan	- Peningkatan 20% pendapatan sampingan (cuci emas)	- Bermula 01.08.2022


STRATEGI	PELAN TINDAKAN	RAMALAN/'FORECAST'	TEMPOH PELAKSANAAN
4) MEMANTAPKAN OPERASI DALAMAN & MENAMBAH BAIK ATURAN	- Memantapkan SOP sedia ada	- Peningkatan 50% penerimaan barang gadaian	- Oktober 2022
	- Menaikkan kadar insurans barang gadaian. - Menaikkan amaun tunai di premis. - Menyelaraskan kadar caj upah simpan (sehingga 1% sebulan) dan menaikkan nilai pinjaman (sehingga 75%) - Menyediakan perkhidmatan menyimpan emas	- Peningkatan lebih 30% pendapatan upah simpan.	- Julai 2023
	- Menghantar kakitangan untuk kursus khidmat pelanggan dan pemasaran	- Meningkatkan keyakinan diri kakitangan selepas menghadiri kursus	- Bermula Ogos 2022
JUMLAH ANGGARAN BAJET PEMULIHAN (tidak termasuk bajet jangka masa Panjang) = RM 25,500.00			

PELAN TINDAKAN YANG DILAKSANAKAN:

- LOKALITI PREMIS DI PLATFORM ‘ONLINE’ & OFFLINE
 - Mengemaskini lokasi, gambar dan info di ‘Google Maps’
 - Hebahan ke semua platform media sosial
- MEMANTAPKAN JENAMA PERNIAGAAN (BRANDING)
 - Kemas kini segala aktiviti Ar-Rahnu untuk ‘content’ di media sosial
- MENINGKATKAN PROMOSI DAN PEMASARAN
 - Program Cabutan Bertuah
 - Menjemput ‘Influencer’ ke dalam ‘Live’ di media sosial
- MEMANTAPKAN OPERASI DALAMAN DAN MENAMBAH BAIK ATURAN
 - Tambahan peruntukan modal harian dari RM30,000.00 - RM50,000.00 di setiap premis Ar-Rahnu
 - Menambah baik Aturan Ar-Rahnu


4.2 LAPORAN PRESTASI AR-RAHNU

a) LAPORAN GADAIAN DAN TEBUSAN



AR-RAHNU SEREMBAN			PERATUSAN KENAIKAN DAN PENURUNAN
PERKARA	TAHUN 2021	TAHUN 2022	
BILANGAN SAG	884 SAG	1179 SAG	33% ↑
GADAIAN (PINJAMAN DIKELUARKAN)	RM 1,692,885.45	RM 2,511,325.65	48% ↑
TEBUSAN (PINJAMAN DIJELASKAN)	RM 1,758,017.35	RM 2,046,242.60	16% ↑


*SAG (SURAT AKUAN GADAIAN)



AR-RAHNU NILAI			PERATUSAN KENAIKAN DAN PENURUNAN
PERKARA	TAHUN 2021	TAHUN 2022	
BILANGAN SAG	934 SAG	1,853 SAG	98% ↑
GADAIAN (PINJAMAN DIKELUARKAN)	RM 1,746,908.10	RM3,605,224.20	106% ↑
TEBUSAN (PINJAMAN DIJELASKAN)	RM 1,601,646.20	RM2,720,892.80	69% ↑

***SAG (SURAT AKUAN GADAIAN)**





b) RINGKASAN UNTUNG RUGI



PERATUSAN KENAIKAN DAN PENURUNAN BAGI TAHUN 2021-2022	AR-RAHNU SEREMBAN	AR- RAHNU NILAI
PENDAPATAN	39% ↑	88% ↑
PERBELANJAAN	2% ↓	11% ↑
KEUNTUNGAN / KERUGIAN	32% ↑	81% ↑

RINGKASAN UNTUNG RUGI BAGI TAHUN 2021-2022	AR-RAHNU SEREMBAN		AR-RAHNU NILAI	
	2021	2022	2021	2022
PENDAPATAN	RM 164,065.95	RM 227,996.12	RM 136,083.55	RM 255,720.20
PERBELANJAAN	RM 193,416.07	RM 189,172.66	RM 217,518.37	RM 240,945.02
KEUNTUNGAN / KERUGIAN	-RM 29,350.12	RM 38,823.46	-RM 81,434.80	RM 14,775.18

c) RINGKASAN JUMLAH PENDAPATAN TAHUN 2021 & 2022



*PELBAGAI PENDAPATAN (HIBAH, KOMISEN INSURAN)

4.3 LAPORAN PENINGKATAN KOMPETENSI KAKITANGAN AR-RAHNU

NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1. KURSUS 'ZERO COST MARKETING FACEBOOK'	16-17 Februari 2022	Secara Maya (Google Meet)	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)
2. KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI	25 Julai 2022	Secara Maya (Zoom Meeting Room)	Institut Koperasi Malaysia (IKMA) & KOOP SAHABAT
3. KURSUS PENGURUSAN REKOD FAIL EFEKTIF	11 - 13 Oktober 2022	Institut Koperasi Malaysia (IKMA)	Institut Koperasi Malaysia (IKMA)

- JANGKAAN KURSUS KOMPETENSI YANG PERLU DIHADIRI/ DICEBURI (PENGURUSAN/PENTADBIRAN):

- Kursus Pemasaran Yang Lebih Meluas Dan Efektif
- Peningkatan Ilmu Penilaian Emas

5) LAPORAN BIRO PERLADANGAN

Pengerusi : YM Tengku Hasan bin Tengku Adzim
 Setiausaha : Tuan Haji Ebni Hajal bin Ramli
 Jawatankuasa : Tuan Haji Abidin bin Samah
 Jawatankuasa : Tuan Haji Mohd Sofe bin Ibrahim

5.0 PROJEK YANG TELAH DIJALANKAN

Ringkasan projek kelapa sawit :-

Lokasi : Lot 2340 Serting Ulu, Jempol, Negeri Sembilan
 Keluasan : 40.31 Hektar / 99 Ekar
 Tarikh Tanam : Julai 2017
 Jumlah Pokok : 5621 Pokok
 Jenis Benih : Yangamgbi dan Guthrie
 Lesen MPOB : 01.03.2020 hingga 28.02.2025 - 5 Tahun (Menjual dan Mengalih)
 Sijil MSPO : 31 Oktober 2018 hingga 30 Oktober 2023
 Sumber Modal : Pembiayaan TMP-SKM (RM 600,00.00)

5.1 Program/ Bengkel / Kursus yang pernah dihadiri biro iaitu :-

- i. Malaysia International Agricommodity Expo & Summit
 Tarikh : 28 Julai 2022 (Anjuran : MPOB Seremban)

5.2 Jadual Penyelenggaraan Bagi Tahun 2024

Bil	Jenis Penyelenggaraan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D	Catatan
		a	e	a	a	a	u	u	g	e	k	o	i	
		n	b	c	r	i	n	l	s	t	t	v	s	
1	Mesyuarat Biro	x						x				x		Bergantung kepada keadaan / keperluan semasa.
2	Penyelenggaraan Infra (culvert, Jalan rosak, Hong & lain-lain		x							x				Bergantung keadaan fizikal ladang
3	Mencantas Anak Kayu					x					x			Bergantung Keadaan fizikal ladang
4	Meracun Rumpai		x				x					x		3 Pusingan
5	Membaja				x				x				x	3 Pusingan
6	Sanitasi Pokok							x						Bergantung kepada keadaan pokok
7	Memetik Buah	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	
8	Kursus Biro					x					x			

5.3 PROJEK YANG AKAN DILAKSANAKAN

KOMBEK telah melantik Kontraktor Encik Muhamad Shahidan bin Aziz bagi membuat kerja-kerja selenggara ladang dan perjanjian selenggara ladang telah dibuat mulai 01 April 2023 sehingga 31 Mac 2024 (1 Tahun).

5.4 PENCAPAIAN PROJEK TAHUN SEMASA

a. Ternakan Ikan Air Tawar

Koperasi telah menerima sumbangan 1000 ekor anak ikan tilapia merah daripada pejabat perikanan Jempol pada awal bulan Oktober 2022. Projek ini adalah dalam tempoh percubaan sekiranya ia mendatangkan pendapatan yang ekonomik ia adalah sebahagian pendapatan daripada projek ladang kelapa sawit.

b) Pejabat Ladang Kelapa Sawit

Pejabat ladang kelapa sawit koperasi dengan keluasan 20x15 telah siap dibina pada bulan Ogos 2022 oleh kontraktor Syarikat AAMZ Enterprise dengan kos pembinaan berjumlah RM27,000.00.

c) Perjualan Buah Kelapa Sawit Tahun 2022

Bulan	Berat (Kg)	Harga (RM)	Harga Jualan Hasil Terakhir (RM)
Februari	22300	26,734.50	1,230.00
Mac	18760	27,469.50	1,200.00
April	33960	41,245.00	1,200.00
Mei	20730	26,211.80	1,260.00
Jun	27800	30,570.20	1,000.00
Julai	24770	15,074.30	680.00
Ogos	30750	18,889.70	640.00
September	40990	25,827.10	620.00
Oktober	32190	16,202.70	510.00
November	21170	13,400.80	650.00
Disember	18670	12,046.60	640.00
Jumlah Keseluruhan(RM)	292090	253,672.20	875 purata

d) Penjualan Buah Kelapa Sawit sehingga Julai Tahun 2023

Bulan	Berat (Kg)	Harga (RM)	Harga Jualan Hasil Terakhir (RM) average
Januari	22480	14,789.20	660.00
Februari	25400	16,369.10	650.00
Mac	25080	17,556.00	700.00
April	31640	22,691.10	740.00
Mei	45440	31,808.50	720.00
Jun	54780	32,634.10	610.00
Julai	68630	45,554.10	680.00
Jumlah Keseluruhan(RM)	273450	181,402.10	580 purata

AGENDA 5

**MENIMBANG DAN
MELULUSKAN AKAUN
TERAUDIT BERAKHIR PADA 31
DISEMBER 2021 DAN
PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BERSIH TERAUDIT
(Rujuk Laporan Kewangan
Mesyuarat Agung)**

AGENDA 6

MELANTIK ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

6.1 Berikut (4) orang Anggota Lembaga Koperasi yang tamat tempoh penggiliran :-

- I. Encik Zulkiflee bin Arop
- II. Tuan Haji Anuar bin Kasim
- III. YM Tengku Hasan bin Tengku Adzim
- IV. Puan Ruzyanah binti Mohd Yasin

AGENDA 7

**MENIMBANG DAN
MELULUSKAN BELANJAWAN
TAHUNAN KOPERASI BAGI
TAHUN KEWANGAN YANG
BERIKUTNYA
(Rujuk Laporan Kewangan
Mesyuarat Agung)**

AGENDA 8

**MELULUSKAN ELAUN KEPADA
LEMBAGA DAN
JAWATANKUASA JURUAUDIT
DALAMAN
(Rujuk Laporan Kewangan
Mesyuarat Agung)**

AGENDA 9

MELULUSKAN SATU PANEL FIRMA JURU AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

- i. Tetuan Adzli & Co
24-25, 1st Floor, Lorong Haruan Commerce Square,
70300 Seremban, Negeri Sembilan
- ii. Tetuan Ali Yusof & Co
Alamat : No 115-2, Jalan Toman 6, Kemayan Square,
70200 Seremban, Negeri Sembilan.
- iii. Mustapha , Khoo & Co
Alamat : 1st Floor, No. 24, Jalan Campbell, 70000
Seremban, Negeri Sembilan

AGENDA 10

**MENIMBANG DAN
MELULUSKAN SKOP DAN HAD
PELABURAN KOPERASI
SEHINGGA RM10 JUTA
(RINGGIT MALAYSIA :
SEPULUH JUTA SAHAJA)**

AGENDA 11

**MENIMBANG DAN
MELULUSKAN HAD
KETERHUTANGAN KOPERASI
INI SEBANYAK RM30 JUTA
(RINGGIT MALAYSIA :
TIGA PULUH JUTA)**


AGENDA 12

**MENDENGAR, MENIMBANG
ATAU MELULUSKAN APA-APA
USUL DARI ANGGOTA
MELALUI PERWAKILAN YANG
DITERIMA TUJUH(7) HARI
SEBELUM MESYUARAT
AGUNG**



**CADANGAN PINDAAN
UNDANG-UNDANG KECIL**

BIL	UUK	TAJUK	UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	UUK	UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN
1.	61 (2)	Yuran	<p>Seseorang anggota boleh mengeluarkan tidak lebih 80% (lapan puluh peratus) daripada jumlah yurannya didalam koperasi ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-</p> <p>(a) Telah menjadi anggota tidak kurang daripada 10 tahun</p> <p>(b) Tidak mempunyai tanggungan sebagai penjamin didalam koperasi ini;</p> <p>(c) Tidak mempunyai baki pinjaman;</p> <p>(d) Pengeluaran yuran adalah untuk membiayai salah satu daripada tujuan berikut :-</p> <p>(i) Pembelian rumah;</p> <p>(ii) Mengerjakan ibadah haji;</p> <p>(iii) Membiayai perbelanjaan perubatan atau pelajaran bagi anggota atau pasangan atau anak yang sah disisi undang-undang; atau</p> <p>(iv) Menyelesaikan tuntutan hutang yang diterima dari mana-mana pihak yang telah dikenakan tindakan undang-undang.</p>	61 (2)	Dimansuhkan didalam UUK dan dibuat pindaan dalam Aturan Modal Yuran

- 
1. **ATURAN MODAL YURAN**
 2. **ATURAN KHAIRAT
KEMATIAN**
 3. **ATURAN PEMBIAYAAN**
 4. **ATURAN SEWAAN**
 5. **ATURAN SIMPANAN
KHAS AR-RAHNU**
 6. **ATURAN AR-RAHNU**

**KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
(KOMBEK NS)**

**ATURAN MODAL YURAN
(Pindaan Kali Ke - 2)**

1. TAJUK

- 1.1 Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN MODAL YURAN Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad.
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 61 Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi ini pada _____ dan dikemukakan kepada Ketua Pendaftar.

2. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-:

- 2.1 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993.
- 2.2 'Undang-Undang Kecil' maknanya Undang-Undang Kecil Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad
- 2.3 'Koperasi ini' maknanya Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad
- 2.4 'Lembaga' maknanya Lembaga Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad
- 2.5 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad
- 2.6 'Modal Yuran' maknanya wang yang diwujudkan dari caruman modal yuran anggota setiap bulan sebagai satu usaha untuk menggalakkan sikap berjimat-cermat dikalangan anggota koperasi ini. Modal yuran ini juga adalah sebagai satu sumber kredit bagi aktiviti pinjam-meminjam dan pembiayaan seperti yang peruntukkan di dalam sek 50 (c) Akta.
- 2.7 Anggota yang meneruskan keanggotaan ertinya anggota yang bersara wajib atau bersara pilihan dengan mengekalkan syer minimum menurut fasal 1 undang-undang kecil 60.

3. TUJUAN

Tujuan Modal Yuran ni adalah untuk menjalankan aktiviti pinjaman dan pembiayaan dan untuk menjadi sumber kredit bagi anggota-anggota koperasi ini menurut apa yang diperuntukkan dalam Undang-undang Kecil 61 Koperasi ini dan sek. 50(c) Akta.

4. MODAL OPERASI DAN SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan ini adalah diperolehi daripada caruman modal yuran anggota- anggota mengikut Undang-undang Kecil 61 Koperasi ini.

5. KAEDAH CARUMAN

Tiap-tiap anggota yang menjadi ahli kepada koperasi ini adalah diwajibkan mencarum dalam modal yuran ini dengan kadar RM50.00 sebulan menurut Undang-undang Kecil 61 Koperasi ini

6. PENGELUARAN

Anggota dibenarkan membuat pengeluaran yuran dengan syarat seperti berikut :-

- i. Tidak mempunyai pembiayaan.
- ii. Telah menjadi anggota tidak kurang daripada 10 tahun
- iii. Tidak mempunyai tanggungan sebagai penjamin didalam koperasi ini .

Bil	Syarat Kelayakan	Syarat Pengeluaran
1	Pendidikan	30%
2	Ibadah Haji dan Umrah	40%
3	Pembelian Rumah	50%
4	Anggota yang meneruskan keanggotaan	50%

7. HAK KOPERASI MENOLAK/MENAHAN PENGELUARAN

Koperasi ini berhak, melalui satu keputusan dalam Mesyuarat Lembagaanya, menahan atau menolak sebarang permohonan anggota untuk mengeluarkan modal yurannya, jika Lembaga mendapati bahawa tujuan pengeluaran tersebut tidak menepati syarat pengeluaran dan juga mengambil kira kekangan Kewangan Koperasi.

8. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang-undang kecil 86 Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung tahunan koperasi pada

PENGERUSI

SETIAUSAHA

BENDAHARI

**KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
(KOMBEK NS)**

**ATURAN KUMPULAN WANG KHAIRAT KEMATIAN
(Pindaan Kali Ke - 5)**

1. TAJUK

- 1.1 Aturan ini adalah dinamakan “Kumpulan Wang Khairat Kematian” Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS)
- 1.2 Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil 9 (1)(b) dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan koperasi ini.

2. TAFSIRAN

Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya. Maka tafsiran berikut adalah dipakai:-

“Koperasi”
bermaksud Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad.

“Anggota”
bermaksud anggota Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad.

“Waris”
bagi anggota status berkahwin ialah suami atau isteri atau anak.

“Lembaga”
bermaksud Lembaga Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad .

3. TUJUAN

Kumpulan Wang Khairat Kematian ini diwujudkan ialah sebagai sumbangan mengurus kematian anggota kepada warisnya.

4. AKAUN TABUNG

Semua wang yang dikutip untuk tabung ini dimasukkan ke dalam akaun khairat kematian Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad yang ditadbirkan oleh Lembaga Koperasi ini.

5. PELABURAN WANG TABUNG

5.1 Wang daripada tabung ini boleh dilaburkan mengikut peruntukkan Undang-undang Kecil Koperasi dan sebarang keuntungan daripada pelaburan yang dibuat akan dimasukkan kedalam akaun untung dan rugi koperasi.

5.2 Wang bayaran masuk menyertai tabung ini akan diakaunkan ke dalam akaun untung dan rugi yang boleh digunakan untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan tabung.

6. KELAYAKAN

Anggota Koperasi yang mencarum bayaran yuran khairat setiap bulan sebanyak RM5.00 sebulan adalah layak untuk menerima daripada Kumpulan Wang Khairat Kematian ini.

PELAN KHAIRAT KEMATIAN

AHLI YANG DILINDUNGI / UMUR KELAYAKAN		JUMLAH (RM)
Ahli	(18-65 tahun)	RM2,000
	(66-70 tahun)	RM1,250
	(71-75 tahun)	RM625
Pasangan	(18-65 tahun)	RM1,500
	(66-70 tahun)	RM750
	(71-75 tahun)	RM325
Anak	(6 bulan - 17 tahun)	RM500

* Tempoh menunggu - 30 hari

* Sehingga 3 kematian bagi anak-anak

7. PERMOHONAN

7.1 Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan derma dari Kumpulan Wang Khairat Kematian ini hendaklah dibuat didalam borang yang disediakan oleh Koperasi.

7.2 Permohonan tersebut hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen yang mengesahkannya pada tahun semasa.

8. PENGGANTUNGAN

8.1 Jika kedudukan Kumpulan Wang Khairat Kematian ini mengalami kesulitan kewangan, maka Lembaga hendaklah menggantung aktivitiya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula.

8.2 Anggota-anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Kumpulan Wang Khairat Kematian ini.

9. BERHENTIKAN CARUMAN KHAIRAT

Penama atau pemegang kuasa seseorang anggota yang telah meninggal dunia tidaklah boleh menuntut bayaran daripada tabung ini sebagai satu hak, jika Lembaga Pengarah dengan persetujuan Pendaftaran Koperasi mengambil keputusan berikut :-

- a. Tidak menjalankan tabung ini bagi tempoh yang ditentukan
- b. Memberhentikan perjalanan akaun tabung ini.

10. TUNTUTAN BERLAPIS

Koperasi ini tidak akan melayan sebarang tuntutan jika selepas tuntutan dibayar kepada Penama atau Pemegang Kuasa simati dan masih ada lagi tuntutan diterima daripada waris simati.

11. TANGGUH MEMBAYAR

Sekiranya berlaku peperangan, rusuhan, wabak penyakit, bencana alam atau berlaku kekurangan wang tabung ini kerana banyaknya tuntutan kematian maka Lembaga Pengarah Koperasi ini boleh jika perlu, memberhentikan perjalanan tabung ini sehingga ke Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang untuk mengambil sesuatu keputusan mengenainya.

Didalam masa penangguhan perjalanan tabung ini tidaklah boleh diluluskan sebarang tuntutan bayaran daripada akaun tabung ini.

12. AUDIT

Akaun tabung ini disatukan didalam Akaun induk Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad.

13. PERTIKAIAN

Jika terdapat isu yang berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut Undang-Undang Kecil koperasi ini.

14. PINDAAN PERATURAN

Pindaan dan tambahan kepada Peraturan ini boleh dibuat oleh Mesyuarat Agung tahunan koperasi ini jika difikirkan perlu.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung tahunan koperasi pada

PENGERUSI

SETIAUSAHA

BENDAHARI

**KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
(KOMBEK NS)**

**ATURAN SEWAAN BANGUNAN / PREMIS PERNIAGAAN DAN MILIKAN HARTANAH
(Pindaan Kali Ke - 2)**

1. TAJUK

- 1.1 Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN SEWAAN BANGUNAN / PREMIS PERNIAGAAN dan MILIKAN HARTANAH Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad.
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9 (a) (ii) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi dan akan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

- 2.1 "Premis Perniagaan" ertinya bangunan, rumah kedai, tanah kosong, tapak perniagaan, sewaan lot;
- 2.2 "Penyewa" ertinya terdiri daripada anggota, individu, syarikat, koperasi, pertubuhan dan agensi kerajaan.
- 2.3 "ALK" ertinya Anggota Lembaga Koperasi.
- 2.4 "Utiliti" ertinya bil air, bil elektrik, bil indahwater, bil telefon dan lain-lain bil yang berkaitan

3. TUJUAN

Tujuan aktiviti sewaan bangunan (selepas ini disebut 'Aktiviti ini') ialah untuk kawalselia aktiviti sewaan.

4. SUMBER KEWANGAN

- 4.1 Suatu peruntukan daripada modal Koperasi bolehlah dikhaskan bagi membiayai aktiviti ini yang mana bersesuaian dikembangkan dari semasa ke semasa.
- 4.2 ALK boleh, apabila kekurangan modal, mendapatkannya-
 - 4.2.1 dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota
 - 4.2.2 melalui deposit atau pinjaman daripada bukan anggota dengan kelulusan Suruhanjaya menurut perenggan 50(e), subseksyen 52(2) dan seksyen 52A Akta dan Peraturan.
 - 4.2.3 Dana kerajaan, sumbangan individu dan badan - badan korporat tertakluk Suruhanjaya Seksyen 50 (g) Akta
 - 4.2.4 Tabung Modal Pusingan (TMP) Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- 5.1 Jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab kepada ALK bagi-
 - 5.1.1 memastikan pengiklanan sewa dibuat kepada penyewa;
 - 5.1.2 memastikan kadar harga sewa mengikut harga yang telah ditentukan oleh ALK;
 - 5.1.3 memastikan bayaran deposit sewa dibayar sebelum diduduki oleh penyewa;
 - 5.1.4 memastikan bayaran deposit bagi bil utiliti dibuat atas nama penyewa sebelum diduduki oleh penyewa;
 - 5.1.5 memastikan bayaran sewa bulanan dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
 - 5.1.6 menentukan semua rekod urusan dan dokumen penting mengenai penyewaan diselenggara dan disimpan dengan selamat dan dikemaskini pada setiap waktu.
 - 5.1.7 memastikan premis perniagaan berada dalam keadaan baik dan dipantau setiap masa.

6. TANGGUNGJAWAB PENYEWAAN

Koperasi hendaklah menyediakan dokumen perjanjian dan memastikan dokumen ini ditandatangani oleh penyewa atas perkhidmatan penyewaan yang diberikan.

7. PENERIMAAN WANG

- 7.1 Semua penerimaan hendaklah dikeluarkan resit. Resit itu hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Koperasi atau mereka yang diberi kuasa oleh ALK.
- 7.2 Pembayaran wang sewaan hendaklah dimasukkan (*bank in*) oleh penyewa ke dalam akaun yang ditetapkan oleh Koperasi atau melalui lain-lain kaedah yang dinyatakan di dalam dokumen perjanjian penyewaan.

8. PEMBATALAN PENYEWAAN

- 8.1 Pembatalan hanya boleh dibuat dengan penghantaran notis sekurang-kurangnya selama (3) bulan dan deposit akan dipulangkan sepenuhnya.
- 8.2 Deposit tidak akan dikembalikan jika pembatalan dibuat kurang daripada sebulan dan tertakluk kepada kelulusan ALK.
- 8.3 Deposit tidak akan dikembalikan jika terdapat kecacatan ke atas premis perniagaan yang disewa tertakluk kepada kelulusan ALK.
- 8.4 Jika bayaran sewaan tidak dibuat 3 bulan berturut-turut, deposit sewaan tidak dikembalikan dan perjanjian sewaan terbatal dengan sendirinya.

9. PERANCANGAN PERNIAGAAN

- 9.1 Jawatankuasa bertanggungjawab membentangkan anggaran belanjawan tahunan aktiviti ini kepada Lembaga beserta unjuran jualan dan belian bagi tahun-tahun hadapan.

9.2 Jawatankuasa atau pegawai yang bertanggungjawab hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga laporan perniagaan bagi tiap-tiap bulan beserta dengan pandangan dan juga cadangan-cadangannya.

9.3 ALK hendaklah menggunakan anggaran belanjawan yang disediakan itu bagi mengawal perjalanan perniagaan koperasi ini dengan membuat penyemakan melalui laporan perniagaan semasa yang dibentangkan di dalam mesyuarat dan membuat penilaian mengenainya.

10. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut Undang - Undang Kecil 86. Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung tahunan koperasi pada

PENGERUSI

SETIAUSAHA

BENDAHARI

**KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
(KOMBEK NS)**

**ATURAN PEMBIAYAAN
(Pindaan Kali Ke - 7)**

1. TAJUK

- 1.1. Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN PEMBIAYAAN KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD (KOMBEK NS)
- 1.2. Aturan ini diwujudkan di bawah fasal (3) Undang-undang Kecil 9 Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung koperasi ini pada dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya mengandungi makna yang lain -

- 2.1. 'akta' maknanya Akta Koperasi 1993;
- 2.2. 'anggota' maknanya anggota Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS);
- 2.3. 'aturan' maknanya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari masa ke semasa bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi yang diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi;
- 2.4. 'bayaran proses' maknanya sejumlah wang yang dikenakan kepada pemohon yang mesti dijelaskan kepada Koperasi atas tujuan pembiayaan yang dibuat dan wang tersebut merupakan pendapatan kepada Koperasi;

Debt Service Ratio (DSR) ertinya nisbah pembiayaan hutang iaitu kadar potongan gaji yang tidak melebihi enam puluh peratus.
- 2.5. 'takaful' maknanya bayaran perlindungan mengikut jadual sumbangan dan manfaat perlindungan yang diperkenalkan oleh ejen atau syarikat takaful bagi tujuan pembiayaan ini;
- 2.6. 'koperasi' maknanya Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS);
- 2.7. 'lembaga' maknanya Lembaga Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS);
- 2.8. 'peminjam' bermaksud seseorang anggota Koperasi ini yang mengemukakan permohonan pembiayaan;
- 2.9. 'penjamin' maknanya mana-mana anggota yang menjamin mana-mana anggota yang memohon pembiayaan;
- 2.10. 'pembiayaan' maknanya pinjaman yang dikeluarkan oleh Koperasi kepada anggotanya;

- 2.11. 'syer' maknanya bayaran sebanyak RM500.00 yang perlu dijelaskan oleh setiap anggota sebagai sumbangan minimum samada dibayar dalam tempoh dua belas bulan atau sekaligus bagi membolehkan anggota melaksanakan segala hak, kewajipan dan liabiliti sebagai seorang anggota. Bagi anggota yang belum cukup atau tiada bayaran syer ini, bayaran syer boleh dibuat melalui pelarasan ke atas jumlah pembiayaan yang dipohon;
- 2.12. 'Undang-undang Kecil' maknanya Undang-undang Kecil Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS BHD) termasuklah sesuatu pindaan berdaftar kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
- 2.13. 'yuran' ertinya sejumlah wang yang dibayar oleh anggota kepada Koperasi sekurang-kurangnya RM50.00 sebulan pada setiap bulan untuk tempoh sepanjang anggota tersebut menjadi anggota Koperasi dan akan dikembalikan semuanya apabila anggota tersebut telah berhenti dan akan diselaraskan dengan baki pinjaman jika ada;
- 2.14 'Tabung Skim Perlindungan Kredit' ertinya Skim Perlindungan Kredit yang merujuk kepada Aturan Skim Perlindungan Kredit;
- 2.15 ta'widh bermaksud caj lewat yang dikenakan ke atas bayaran yang tertunggak; dan
- 2.16 Ibra' bermaksud rebat atau potongan ke atas penyelesaian awal pembiayaan

3. TUJUAN

Aturan ini disediakan bagi tujuan berikut:

- (a) mewujudkan skim pembiayaan sebagai satu kemudahan bagi anggota meminjam wang koperasi bagi maksud yang berfaedah;
- (b) skim pembiayaan dan segala aktiviti berkaitan dengan pelbagai pembiayaan;
- (c) menjalankan aktiviti pembiayaan dengan teratur dan sempurna; atau
- (d) mengawal pengurusan aktiviti pelbagai pembiayaan.

4. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- (1) Aktiviti ini ditadbir oleh jawatankuasa yang dilantik oleh lembaga di bawah undang-undang kecil 49(2)(u).
- (2) Jawatankuasa ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau operasi aktiviti ini dari semasa ke semasa.

4.1 **JENIS DAN KRITERIA PEMBIAYAAN**
 Pembiayaan peribadi adalah merangkumi-

Pakej Pembiayaan	Syarat kelayakan	Jumlah pembiayaan maksima	Tempoh pembiayaan
Peribadi	Potongan DSR tidak melebihi 60% kepada anggota	RM 50,000.00	120 bulan
Caruman dari modal yuran		Tertakluk kepada jumlah yuran anggota.	
Khas / Hari Raya		RM 3,000.00 tanpa kadar keuntungan	bergantung kepada keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga
Pengguna		RM 15,000.00	120 bulan
Pelancongan & Umrah		RM 15,000.00	120 bulan
Takaful Kenderaan		Tertakluk kadar takaful	12 bulan

4.2 **Kaedah Bayaran Balik Pembiayaan**

- a. Melalui potongan Biro Perkhidmatan ANGKASA; atau
- b. Potongan gaji terus dari majikan.

4.3 **Penilaian Kelayakan Pembiayaan**

- i. Setiap permohonan akan diproses dan diteliti oleh Koperasi bagi memastikan anggota memenuhi syarat dan kelayakan sebelum pembiayaan diluluskan.
- ii. Jawatankuasa ini boleh menentukan jumlah pembiayaan yang boleh diberikan kepada pemohon tertakluk kepada penilaian kelayakan pembiayaan anggota.

4.4 **Caj Pemprosesan**

Setiap pembiayaan yang diluluskan akan dikenakan caj pemprosesan sebanyak RM100.00.

4.5 **Bayaran Duti Setem Dan Tabung Skim Kredit**

Setiap pembiayaan akan dikenakan caj duti setem yang perlu dijelaskan oleh pemohon. Pemohon juga dikenakan potongan sebanyak 0.5% dibawah Aturan Skim Perlindungan Pembiayaan.

4.6 Sumbangan Perlindungan Pembiayaan Takaful

Pelanggan/anggota dikehendaki mencarum sejumlah wang untuk melindungi pembiayaan tersebut mengikut jumlah, tempoh dan umur tertakluk kepada Syarikat Takaful yang terpilih.

5. SYARAT KELULUSAN

5.1. Jawatankuasa boleh untuk menolak sesuatu permohonan mendapatkan kemudahan pembiayaan, menghadkan jumlah hutang, mengenakan syarat-syarat lain.

6. PEMBAYARAN BALIK

6.1. Bayaran-bayaran hutang hendaklah dibuat berdasarkan ketetapan yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian.

6.2. Lembaga berhak untuk menaikkan atau mengurangkan kadar keuntungan atau bayaran perkhidmatan yang akan dikenakan kepada anggota mengikut kos pendanaan Koperasi semasa. Walau bagaimanapun ini tidak melibatkan anggota yang telah sedia ada meminjam.

6.3. Di dalam keadaan terkecuali, Lembaga boleh membenarkan penangguhan mana-mana hutang anggota dengan syarat perlu membayar kadar keuntungan kepada Koperasi dan sekiranya penangguhan itu melebihi 4 bulan, persetujuan dari penjamin adalah diperlukan sekiranya pembiayaan tersebut mempunyai penjamin. Walaubagaimanapun, tempoh penangguhan akan memberi kesan pada penjadualan semula pembiayaan dengan syarat tempoh tidak boleh melebihi umur persaraan.

5.4. Apabila seseorang anggota telah berhutang dengan Koperasi atau menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam, permohonannya untuk berhenti dari menjadi anggota tidak boleh diluluskan melainkan sehingga hutangnya itu telah diselesaikan atau tanggungannya sebagai penjamin telah dihapuskan.

6.5. Anggota yang membuat pembiayaan hendaklah membenarkan Koperasi ini menuntut bayaran melalui majikan peminjam dan BPA dan bayaran ini tidak boleh diubah-ubah tanpa kebenaran Koperasi.

6.6 Koperasi boleh menuntut bayaran ta'widh atas bayaran yang lewat diterima akan dikenakan sama seperti jumlah keuntungan pembiayaan yang lewat diterima.

6.7 Anggota yang telah bersara yang membuat pembiayaan hendaklah menjelaskan bayaran melalui atas potongan talian online banking, arahan tetap bank atau membayar secara tunai dan tidak boleh diubah-ubah tanpa kebenaran Lembaga.

6.8 Lembaga boleh meminta peminjam membayar balik serta merta keseluruhan jumlah pembiayaan beserta bayaran balik perkhidmatan dengan tiada kelewatan dan dengan tiada terikat kepada mana-mana syarat yang pinjaman itu diberikan di dalam perkara-perkara berikut :-

- a) Jika peminjam itu berhenti menjadi anggota kerana apa-apa jua sebab;
- b) Jika penjamin berhenti menjadi anggota dan peminjam gagal mengadakan seseorang penjamin lain yang memuaskan Lembaga;
- c) Jika mana-mana ansuran bayaran terlewat dibayar selama tiga bulan;
- d) Jika dibuktikan bahawa sikap dan kejujuran peminjam itu terhadap Koperasi ini adalah berlawanan dengan kepentingan Koperasi;
- e) Anggota tidak boleh memberhentikan bayaran ansuran sebelum 6 bulanan bayaran balik atau pembiayaan bertindih;
- f) Anggota atau Lembaga tidak boleh menjelaskan bayaran ansuran pembiayaan melalui bayaran elaun yang diterima melalui elaun-elaun Koperasi.

6.9. Kegagalan Membayar Balik

Anggota adalah dianggap telah ingkar membuat pembayaran balik apabila gagal membuat bayaran bulanan seperti di dalam Perjanjian pembiayaan Koperasi.

- a) Koperasi berhak meminta anggota membayar balik keseluruhan pembiayaan beserta keuntungan yang diambil kira setakat tarikh pembayaran balik pinjaman tersebut;
- b) Menjadualkan semula tempoh bayaran balik pembiayaan mengikut yang dirasakan sesuai.
- c) Adalah menjadi kewajipan penjamin untuk membayar balik hutang yang tidak dijelaskan oleh peminjam jika hutang tersebut yang tidak berbayar lebih dari tiga bulan.
- d) Koperasi boleh mengambil segala tindakan yang difikirkan perlu mengikut undang-undang untuk mendapatkan balik pembiayaan yang tidak dijelaskan.
- e) Lembaga hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan akan laporan pencapaian skim pembiayaan ini.
- f) **Anggota boleh dikenakan tindakan berikut :-**
 - i. **caj ta'widh dikenakan 1% setahun atas amaun tertunggak**
 - ii. **Koperasi berhak untuk menolak baki kredit dari yuran anggota.**
 - iii. **Anggota yang gagal menjelaskan bayaran potongan bulanan pembiayaan tiga bulan berturut-turut akan disenarai hitam dan diambil tindakan bankrup jika perlu.**

6.10. Kegagalan Melunaskan Pembiayaan

- a) Pembiayaan yang ansurannya tidak dijelaskan selama 3 bulan berturut-turut adalah dianggap sebagai pembiayaan tidak berbayar.
- b) Surat peringatan akan dikeluarkan kepada peminjam.
- c) Koperasi boleh mengenakan tindakan tribunal yang ada dibawah perundangan Malaysia.

7. Ibra' (rebat)

Rebat atau potongan ke atas penyelesaian awal pembiayaan.

8. PERTIKAIAN

- 8.1. Jika berlaku sebarang perselisihan faham di atas tafsiran Aturan ini atau apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang-undang kecil 86 Koperasi ini.

9. SUMBER KEWANGAN

Koperasi boleh mendapatkan sumber dana bagi aktiviti pinjaman melalui:

- (a) kutipan yuran daripada anggotanya menurut perenggan 50(c) Akta;
- (b) deposit atau pinjaman daripada anggota menurut perenggan 50(e) Akta;
- (c) pinjaman daripada bukan anggota menurut perenggan 50(e) Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan
- (d) bantuan atau pinjaman daripada Suruhanjaya atau daripada agensi-agensi kerajaan.

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi pada

.....
(Pengerusi)

.....
(Setiausaha)

.....
(Bendahari)

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD
(KOMBEK NS)
(ATURAN SIMPANAN KHAS AR-RAHNU)

1. TAJUK

- 1.1 Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN SIMPANAN KHAS AR-RAHNU KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD (KOMBEK NS);
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah fasal (3) Undang-undang Kecil 9 Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung koperasi ini pada dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TUJUAN

Tujuan Simpanan Khas Ar-Rahnu ini diwujudkan ialah untuk:

- 2.1 Mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan wang melalui aktiviti ini;
- 2.2 Mendapat kumpulan modal untuk menjalankan aktiviti- aktiviti Ar-Rahnu Koperasi ini selaras dengan fasal (3) Undang- undang Kecil 9.

3. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain: -

- 3.1 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993;
- 3.2 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS);
- 3.3 'Aturan' maknanya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi yang diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi;
- 3.4 'Koperasi ini' maknanya Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad;
- 3.5 'Lembaga' maknanya Anggota Lembaga Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad;
- 3.6 'Undang-Undang Kecil' maknanya Undang-Undang Kecil Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad;
- 3.7 'Pegawai Koperasi' maknanya Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, atau mana-mana orang lain sesuatu Lembaga dan termasuklah mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh peraturan-peraturan atau undang-undang kecil untuk memberikan arahan berkenaan dengan urusan koperasi berdaftar itu.

4. SUMBER KEWANGAN

- 4.1 Suatu peruntukan dana daripada Koperasi yang dikhaskan bagi membiayai aktiviti ini yang mana boleh dikembangkan bagi mendapatkan pulangan dan kemajuan akaun simpanan khas Ar-Rahnu;
- 4.2 Peruntukan melalui satu akaun berasingan akan dibuka di atas nama setiap penyimpan;
- 4.3 Dana aktiviti ini boleh dikembangkan berdasarkan peruntukan aktiviti koperasi ini dibawah Undang- undang kecil (9).

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- 5.1 Anggota boleh membuka satu akaun berasingan di atas nama akaun simpanan khas Ar-Rahnu;
- 5.2 Jumlah caruman minima simpanan khas adalah RM500.00 per unit (RM500.00/ unit) dan amaun caruman simpanan tersebut boleh dipinda di dalam Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi bergantung kepada aktiviti perniagaan yang akan dilaksanakan;
- 5.3 Anggota boleh menambah caruman unit simpanan dengan mengisi borang dan mendapat kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga;
- 5.4 Pelabur atau anggota simpanan khas tidak mempunyai kuasa mutlak dalam mentadbir urus perjalanan akaun simpanan khas ini;
- 5.5 Anggota boleh sekiranya perlu mengeluarkan wang dari simpanannya atau sebahagian unit simpanannya. Bayaran akan dipulangkan setelah tujuh (7) hari bekerja selepas mendapat kelulusan Anggota Lembaga;
- 5.6 Simpanan khas Ar-Rahnu boleh dipindahkan ke dalam akaun yuran anggota dengan syarat mengekalkan jumlah minima unit saham;
- 5.7 Koperasi akan membuat bayaran pulangan ke atas simpanan khas Ar-Rahnu di atas kadar yang munasabah mengikut pulangan yang diperolehi daripada keuntungan bersih Ar-Rahnu;
- 5.8 Penyata akaun simpanan khas Ar-Rahnu akan dihantar kepada setiap penyimpan sekali setahun;
- 5.9 Pengurusan akaun simpanan khas Ar-Rahnu ini adalah sama dengan pengurusan akaun tahunan kewangan koperasi;
- 5.10 Penggunaan dana akaun simpanan khas Ar-Rahnu dikawal selia dan terlebih dahulu menilai risiko perancangan perniagaan yang hendak dilaksanakan;

6. TANGGUNGJAWAB

- 6.1 Lembaga adalah bertanggungjawab dalam menguruskan dan memantau perjalanan akaun simpanan khas Ar-Rahnu;
- 6.2 Pegawai koperasi adalah bertanggungjawab menguruskan akaun simpanan khas Ar-Rahnu;
- 6.3 Tadbir urus hal ehwal Simpanan Khas akan ditadbir oleh Jawatankuasa yang dilantik melalui arahan atau keputusan Mesyuarat Lembaga;

- 6.4 Anggota bertanggungjawab untuk melunaskan bayaran bagi satu unit simpanan iaitu RM500.00 dalam kaedah potongan gaji atau bayaran terus kepada koperasi dalam tempoh yang ditetapkan;
- 6.5 Aktiviti ini akan diaudit oleh firma juru audit bertauliah sebagai sebahagian tugas- tugas pengauditan;
- 6.6 Pegawai koperasi adalah bertanggungjawab membentangkan unjuran pendapatan kepada Mesyuarat Anggota Lembaga.

7. PENERIMAAN WANG

- 7.1 Penerimaan wang oleh koperasi adalah dalam bentuk Ringgit Malaysia;
- 7.2 Anggota boleh membuat bayaran caruman dalam kaedah Tunai/ Cek/ Pindaan wang/ bank Deraf/ Online Banking;
- 7.3 Wang yang diterima oleh koperasi akan dikeluarkan dalam bentuk penyata kepada penyimpan.

8. PEMBATALAN

- 8.1 Sekiranya Anggota berminat untuk menyertai aktiviti ini hendaklah melengkapkan borang yang disediakan dan membuat bayaran dalam tempoh 7 hari bekerja, sekiranya tiada bayaran dibuat, permohonan tersebut dibatalkan;
- 8.2 Anggota Lembaga mempunyai bidang kuasa penuh untuk meluluskan atau membatalkan permohonan Anggota.

9. PINDAAN

Aturan ini boleh dipinda dan disahkan melalui Mesyuarat Agung.

10. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang undang kecil 86 Koperasi ini.

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi pada

(Pengerusi)

(Setiausaha)

(Bendahari)

KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD

ATURAN AR-RAHNU

(Pindaan Kali Ke - 4)

1. TAJUK

- 1.3 Aturan ini hendaklah dinamakan ATURAN AR-RAHNU KOPERASI MELAYU BERJAWATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD (KOMBEK NS)
- 1.4 Aturan ini diwujudkan di bawah fasal (3) Undang-undang Kecil 9 Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan mesyuarat agung koperasi ini pada dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TUJUAN

Ar-Rahnu ini ialah untuk membolehkan koperasi memberi perkhidmatan dan kemudahan pembiayaan kepada anggota-anggotanya dan juga orang ramai berlandaskan syariat Islam.

3. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya mengandungi makna yang lain -

- 3.1 'Akta' maknanya Akta Koperasi 1993;
- 3.2 'Anggota' maknanya anggota Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS);
- 3.3 'Aturan' maknanya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi yang diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi;
- 3.4 'Koperasi' maknanya Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS);
- 3.5 'Lembaga' maknanya Lembaga Koperasi Melayu Berjawatan Kerajaan Negeri Sembilan Berhad (KOMBEK NS);
- 3.6 'Ar-Rahnu' maknanya aktiviti pajak gadai Islam yang menyerahkan barang gadaian sebagai cagaran untuk mendapatkan pembiayaan;
- 3.7 'Marhun (barang gadaian)' maknanya adalah barang kemas emas termasuk perhiasan emas yang boleh digadaikan kepada koperasi dan boleh dijual beli;
- 3.8 'Nilai marhun (nilai barang gadaian)' maknanya harga barang gadaian yang telah dinilai mengikut jenis, mutu, berat dan kandungan emas;
- 3.9 'Pembiayaan (Marhun Bih)' maknanya pembiayaan; jumlah wang yang diterima oleh penggadai daripada pemegang gadai sebagai hutang yang wajib dibayar balik;

- 3.10 'Penggadai' maknanya seseorang individu yang menggadaikan barangnya di Ar-Rahnu KOMBEK NS;
- 3.11 'Akad' maknanya persetujuan penyerahan dan penerimaan barang gadaian;
- 3.12 'Tawarruq' maknanya merujuk kepada satu bentuk transaksi yang terdiri daripada dua (2) kontrak jual beli di mana transaksi pertama melibatkan penjualan komoditi secara Murabahah oleh Penjual (koperasi) kepada Pembeli (Pemohon) pada Harga Jualan (jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan dicampur dengan jumlah keuntungan koperasi) dengan bayaran secara tertangguh, dan kemudiannya Pembeli (koperasi sebagai wakil Pemohon) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak Ketiga (Pembeli Komoditi) secara tunai;
- 3.13 'Wakalah' maknanya kontrak perwakilan;
- 3.14 'Komoditi' maknanya merujuk kepada apa-apa jenis aset yang didagangkan di dalam Platform Dagangan Komoditi yang mana pihak-pihak yang terlibat akan dimaklumkan jenis dan kuantiti aset tersebut. Komoditi merujuk kepada aset yang tersenarai di dalam platform dagangan seperti minyak kelapa sawit mentah atau lain-lain tertakluk kepada penyediaan Komoditi yang halal dan mematuhi prinsip Syariah;
- 3.15 'Pembeli komoditi' maknanya merujuk kepada pihak ketiga yang akan membeli Komoditi tersebut daripada Pemohon (koperasi sebagai wakil);
- 3.16 'Perjanjian Pembiayaan' maknanya merujuk kepada dokumen perjanjian yang dikeluarkan oleh pihak koperasi setelah Kemudahan Pembiayaan Pemohon diluluskan bagi tujuan penyempurnaan oleh Pemohon;
- 3.17 'Platform Dagangan Komoditi' maknanya Merujuk kepada platform dagangan komoditi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah koperasi bagi melaksanakan transaksi pembelian dan penjualan Komoditi;
- 3.18 'Tarikh cagaran' maknanya merujuk kepada tarikh cagaran Marhun dibuat bersamaan dengan tarikh Kemudahan Pembiayaan diluluskan dan pengeluaran pembiayaan dilaksanakan oleh pihak koperasi dan diperincikan dalam Perjanjian Pembiayaan;
- 3.19 'Tarikh matang' maknanya merujuk kepada satu tempoh sah laku bagi Akad Murabahah seperti yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan dan Pemohon adalah tertakluk bagi pelunasan Keuntungan Bulanan dan Jumlah Prinsipal Kemudahan Pembiayaan;

4. KONTRAK SYARIAH

4.1 TAWARRUQ

Kontrak asas bagi Kemudahan Pembiayaan menggunakan kontrak Syariah Tawarruq. Tawarruq merujuk kepada satu bentuk transaksi jual beli Komoditi yang terdiri daripada dua (2) transaksi di mana transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi secara Murabahah oleh Penjual (koperasi) kepada Pembeli (Pemohon) pada Harga Jualan (Jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan dicampur dengan jumlah keuntungan koperasi) dengan bayaran secara tertangguh, dan kemudiannya Pembeli (koperasi sebagai wakil Pemohon) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak Ketiga (Pembeli Komoditi) secara tunai.

4.2 RAHN

Kontrak asas bagi transaksi cagaran menggunakan kontrak Syariah Rahn. Rahn merujuk kepada satu kontrak di mana satu pihak sebagai Pencagar (“Rahin”) membuat gadaian ke atas aset sebagai cagaran (“Marhun”) bagi memenuhi liabiliti atau obligasi keterhutangannya kepada satu pihak yang lain iaitu Penerima Cagaran (“Murtahin”) sekiranya berlaku kegagalan di pihak Pencagar dalam memenuhi obligasi tersebut.

5. PEMBIAYAAN AR-RAHNU

5.1 KELAYAKAN MENGGADAI

- a) Kemudahan menggadai terbuka kepada anggota Koperasi dan bukan anggota Koperasi
- b) Syarat-syarat menggadai:
 - i. Yuran permulaan dikenakan sebanyak RM10 bagi bukan anggota Koperasi.
 - ii. Berusia 18 tahun dan ke atas;
 - iii. Warganegara Malaysia; kad pengenalan asal;
 - iv. Bukan warganegara Malaysia; passport asal dan yang masih sah;
 - v. Permastautin tetap; kad pemastautin tetap asal;
 - vi. Berakal / waras.

5.2 BARANG GADAIAN

Koperasi menerima semua jenis barang kemas emas, termasuk:

- a) Barang kemas yang mempunyai permata; dengan syarat penggadai hanya layak menerima jumlah pembiayaan tidak lebih dari 40% daripada nilai marhun yang digadai.

5.3 KESAHIHAN HAK MILIK

Penggadai adalah bertanggungjawab sepenuhnya tentang kesahihan hak milik barang yang digadai dan jika ada pihak lain yang menuntut hak milik barang berkenaan, maka pihak pemegang gadai tidak sekali-kali akan dipertanggungjawabkan dan penggadai emas palsu boleh didakwa.

5.4 HAD PEMBIAYAAN

Jumlah pemberian pembiayaan oleh pemegang gadai kepada setiap penggadai hendaklah tidak melebihi RM100,000 (Ringgit: Satu Ratus Ribu Ringgit Sahaja) atau tidak melebihi sehingga 80% daripada nilai marhun barang yang digadai. Had maksima gadaian harian untuk individu penggadai tidak melebihi RM25,000. Walau bagaimanapun, pihak pemegang gadaian berhak mengurangkan had maksima ini dalam keadaan yang difikirkan munasabah.

5.5 KADAR KEUNTUNGAN

Kadar keuntungan dikira berdasarkan pembiayaan dan tempoh bilangan bulan gadaian ditebus. Kadar keuntungan adalah tertakluk arahan Bank Negara dan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke atas jumlah pembiayaan.

5.6 TEMPOH GADAIAN

- i) Tempoh gadaian maksimum bagi aktiviti Ar-Rahnu adalah enam bulan sahaja. Lanjutan tempoh 6 bulan lagi hanya dibenarkan apabila pelanggan menyelesaikan tunggakan kadar keuntungan;
- ii) Hayat gadaian seumur hidup dengan syarat kadar keuntungan diselesaikan sebelum menukar surat;
- iii) Tempoh jual beli komoditi adalah 6 bulan bermula dari tarikh gadaian.
- c) Lanjutan Surat Akuan Gadaian selepas 6 bulan perlu melakukan jual beli komoditi yang baru.

5.7 CARA PEMBAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

- i) Koperasi menerima tunai dan pembayaran secara elektronik.
- ii) Koperasi memberi pilihan kepada penggadai secara ansuran; selagi masih dalam tempoh pembiayaan atau penebusan penuh.

5.8 NOTIS

Notis Lelongan :

Notis akan dihantar selepas tamat tempoh matang 6 bulan. Jika tidak ada penebusan dilakukan selepas 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan, barang gadaian akan dilelong.

6. PERATURAN MENGGADAI

- 6.1 Nilai harga barang yang dibuat oleh penilai pemegang gadai adalah muktamad;
- 6.2 Setelah amaun pembiayaan dipersetujui oleh pihak penggadai dan pemegang gadai, dan akad disempurnakan, penggadai akan diberi satu Surat Akuan Gadaian (SAG);
- 6.3 Setelah amaun pembiayaan dipersetujui, akan berlaku urusan jualan beli komoditi (Tawarruq). Antara dokumen yang perlu ditandatangani adalah:
 - i) Perjanjian Jualan;
 - ii) Surat Pelantikan Wakil (Wakalah);
 - iii) Aku Janji (Waad)
- 6.4 Caj yang dikenakan kepada penggadai hendaklah ditanggung oleh penggadai dan boleh berubah dari semasa ke semasa.
- 6.5 Surat Akuan Gadaian hendaklah disimpan untuk tujuan menebus dan bayaran kadar keuntungan; kehilangan surat ini adalah tanggungjawab penggadai. Surat yang baru tidak akan dikeluarkan dan perkara berikut perlu dilakukan:
 - i) Penggadai perlu serahkan kad pengenalan yang asal untuk memastikan kesahihan pemilik;
 - ii) Penggadai dikehendaki mengisi Borang Perakuan Kehilangan Surat Akuan Gadaian.
 - iii) Penggadai akan mendapat satu salinan baru Surat Akuan Gadaian dan akan dikenakan bayaran caj perkhidmatan RM5.00 bagi setiap pengeluaran salinan surat yang baru.

7. TEBUS GADAI

- 7.1 Penggadai adalah berhak menebus barang gadaianya bila-bila masa sebelum tempoh gadaian maksimum enam (6) bulan;
- 7.2 Penggadai hendaklah menyerahkan Surat Akuan Gadaian dan kad pengenalan untuk disemak kesahihannya sebelum barang gadaian ditebus;
- 7.3 Mana-mana pemajak gadai yang tidak berupaya untuk hadir sendiri bagi menebus gadai marhunnnya di atas sebab-sebab yang munasabah ia bolehlah melantik seorang wakil untuk membuat demikian dengan membawa Surat Akuan Gadaian Asal.

7.4 Jika penggadai telah meninggal dunia, warisnya bolehlah menebus gadaikan barang yang telah digadai dengan syarat ia hendaklah mengemukakan Sijil Kematian penggadai dan dokumen bukti yang menuntut adalah waris penggadai.

8. PELELONGAN

- 8.1 Jika penggadai tidak menebus barang gadaianya setelah tempoh 6 bulan tamat dan pihak pemegang gadaian telah mengeluarkan notis 14 hari Lelongan Terakhir dari tarikh notis dikeluarkan maka pihak pemegang gadaian berhak melelong barang gadaian berkenaan;
- 8.2 Lelongan akan dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan;
- 8.3 Wang hasil daripada lelongan akan digunakan untuk membayar amaun terhutang, kos kadar keuntungan terkumpul, kos pentadbiran dan kos-kos lain jika ada, bakinya perlu dikembalikan kepada penggadai;
- 8.4 Kadar keuntungan bagi barang gadaian untuk tujuan lelongan hendaklah dikira sehingga tempoh penyelesaian berdasarkan nilai pembiayaan pada tarikh asal gadaian dibuat;
- 8.5 Penggadai adalah berhak untuk memeriksa rekod pelelongan dan rekod lain yang berkaitan;
- 8.6 Apa-apa lebihan jualan/lelongan yang tidak dituntut oleh penggadai dalam tempoh masa tidak kurang dari satu tahun hendaklah dibayar kepada Akauntan Negara menurut peruntukan dibawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370).

9. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG GADAI

Pemegang gadai mengambil tanggungjawab di atas barang gadaian yang digadai.

10. AUDIT

- 10.1 Pengauditan akaun tahunan Dana Ar-Rahnu hendaklah dibuat oleh Juruaudit yang dilantik oleh Lembaga Koperasi;
- 10.2 Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mengaudit perniagaan Ar-Rahnu

11. JAWATANKUASA BIRO

- 11.1 Tadbir urus hal ehwal Ar-Rahnu akan ditadbir oleh Jawatankuasa Biro melalui arahan atau keputusan Mesyuarat Lembaga;
- 11.2 Bilangan ahli Jawatankuasa Biro akan ditentukan oleh Mesyuarat Lembaga
- 11.3 Kelayakan untuk menjadi ahli Jawatankuasa Biro adalah dikalangan anggota koperasi ini sahaja;
- 11.4 Pegawai atau kakitangan unit Ar-Rahnu tidak dibolehkan menjadi ahli Jawatankuasa Biro.

12. SUMBER KEWANGAN

- 13.1 Modal untuk menjalankan perniagaan hendaklah datang dari koperasi atau Suruhanjaya Koperasi atau Agensi yang diluluskan oleh Pendaftar Koperasi;
- 13.2 Sekiranya perlu modal boleh disumbangkan oleh anggota Koperasi secara Simpanan Khas mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil Koperasi;
- 13.3 Sumbangan modal oleh Koperasi atau Simpanan Khas yang disumbangkan oleh anggota Koperasi untuk tujuan ini akan dimasukkan ke dalam satu dana khas yang dinamakan Dana Ar-Rahnu;
- 13.4 Simpanan khas ini diterima berlandaskan hukum Al-Mudharabah;

13. AKAUN

- 14.1 Dana Ar-Rahnu akan diuruskan melalui satu akaun bank yang khusus untuk tujuan unit ini ditubuhkan;
- 14.2 Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Ar-Rahnu hendaklah dibayar dari akaun ini;
- 14.3 Akaun bank bagi Dana Ar-Rahnu akan diuruskan oleh orang yang diberi kuasa oleh Ahli Lembaga.

14. TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan Ar-Rahnu adalah berdasarkan tahun kewangan koperasi.

15. PINDAAN

Aturan ini bolehlah dipinda dan disahkan melalui Mesyuarat Agung.

16. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut Undang-Undang Kecil 86 koperasi ini.

Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi pada

.....
(Pengerusi)

.....
(Setiausaha)

.....
(Bendahari)

- USUL - USUL ANGGOTA LEMBAGA -

1. Cadangan penglibatan koperasi dalam sektor aktiviti peruncitan dan pembekalan bahan-bahan asas seperti minyak gula tepung beras.
2. Permohonan Bantuan/Geran daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia/Agensi Kerajaan bagi tujuan projek-projek dan aktiviti pembangunan Koperasi.
3. Permohonan Pembiayaan Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia/Bank-bank Tempatan bagi tujuan projek-projek dan aktiviti pembangunan Koperasi.